

# **GEJALA AGNOSTIK**

SATU  
ANCAMAN  
AKIDAH



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)  
Tingkat 9, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah  
Seksyen 5  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan


Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:



## **KANDUNGAN**

<b>PRAKATA</b>	<b>vii</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>AGNOSTIK: SATU TINJAUAN</b>	<b>1</b>
	MUKADIMAH	1
	TAKRIFAN	2
	BEBERAPA PANDANGAN AHLI PEMIKIR AGNOSTISME	4
	CIRI-CIRI GOLONGAN AGNOSTIK	9
	KESAN FAHAMAN AGNOSTISME	10
<b>BAB 2</b>	<b>PENYEBAB-PENYEBAB BERLAKUNYA GOLONGAN AGNOSTIK</b>	<b>11</b>
	MUKADIMAH	11
	FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB PENYIMPANGAN AKIDAH	12
	ALIRAN-ALIRAN PEMIKIRAN YANG BOLEH MEMPENGARUHI SESEORANG MENJADI AGNOSTIK	18

BAB 3	KEMUSYKILAN GOLONGAN AGNOSTIK	27
	MUKADIMAH	27
	BEBERAPA KEMUSYKILAN GOLONGAN AGNOSTIK	28
BAB 4	KES-KES AGNOSTIK DI MALAYSIA	65
	MUKADIMAH	65
	KES 1	66
	KES 2	68
	KES 3	70
	KES 4	72
	KES 5	73
	KES 6	75
	KES 7	77
	KES 8	79
	KES 9	81
	KES 10	83
	KES 11	84
	KES 12	86
BAB 5	LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH PENYIMPANGAN AKIDAH	89
	MUKADIMAH	89
	STRATEGI PENYELESAIAN	89
RUJUKAN		99

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH 1.1 :</b>	Pandangan Ahli-Ahli Pemikir Tentang Konsep Tuhan	4
<b>RAJAH 1.2 :</b>	Jenis-jenis Agnostik	5
<b>RAJAH 1.3 :</b>	Perbezaan Agnostik Dan Ateis Mengikut Kategori	6
<b>RAJAH 1.4 :</b>	Dimensi Agnostik, Gnostik, Teis Dan Ateis	7
<b>RAJAH 1.5 :</b>	Perbezaan Antara Teis, Ateis Dan Agnostik	7
<b>RAJAH 1.6 :</b>	Ciri-ciri Golongan Agnostik	9
<b>RAJAH 1.7 :</b>	Kesan Fahaman Agnostisme	10
<b>RAJAH 2.1 :</b>	Faktor-Faktor Penyebab Penyimpangan Akidah	12
<b>RAJAH 2.2 :</b>	Aliran-Aliran Pemikiran Yang Boleh Mempengaruhi Seseorang Menjadi Agnostik	19
<b>RAJAH 2.3 :</b>	Teras Fahaman Materialisme	21
<b>RAJAH 2.4 :</b>	Ciri-Ciri Golongan Berfahaman Sekularisme	23
<b>RAJAH 2.5 :</b>	Kelompok Virus Pemikiran	26
<b>RAJAH 5.1 :</b>	Empat Unsur Pengukuhan Akidah	97
<b>RAJAH 5.2 :</b>	Aspek-aspek Utama Bagi Empat Unsur Pengukuhan Akidah	97



## PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Gejala Agnostik: Satu Ancaman Akidah* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan akidah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Ketauhidan kepada Allah SWT adalah tonggak pegangan hidup umat Islam. Sekiranya seseorang itu, tidak kiralah sama ada umara, ulama, masyarakat Islam mahupun individu Muslim gagal mempertahan dan menegakkan akidah tauhid dalam diri dan kehidupan yang mereka tadbir, maka akan runtuhalah agama, rosaklah masyarakat, rebahlah bangsa serta sesatlah manusia.

Sehubungan dengan itu, penulisan buku ini dihasilkan atas kepekaan dan komitmen Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk menangani isu dan permasalahan akidah yang sedang melanda umat Islam. Tidak dinafikan bahawa kesan daripada globalisasi dan kecanggihan teknologi telah mencetuskan ledakan maklumat tanpa sempadan yang antara lainnya turut menyalurkan maklumat mengenai fahaman dan doktrin yang boleh menyimpangkan akidah umat Islam.

Di samping itu, perkembangan sosiopolitik negara turut menggambarkan terdapat unsur-unsur negatif daripada fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam mula menular masuk dalam kalangan umat Islam khasnya dan umat Melayu

amnya. Antaranya termasuklah fahaman agnostik yang agak asing kepada umat Melayu-Islam di negara ini tetapi ancamannya umpama "*api di dalam sekam*". Justeru, MAIS berasa terpanggil untuk memberi gambaran sebenar mengenai fahaman ini kepada masyarakat supaya umat Islam menyedari akan kewujudannya.

Buku ini antara lainnya memuatkan aspek konsep, pemikiran dan beberapa kemusykilan golongan agnostik, kes-kes agnostik di Malaysia dan cadangan strategi penyelesaian untuk menangani ancaman fahaman yang menyimpangkan akidah umat Islam. Skop dan huriaian penulisan mengenai agnostik menerusi buku ini bertujuan memberi kefahaman asas kepada masyarakat mengenai fahaman tersebut. Selain daripada menyedarkan umat Islam mengenai bahaya fahaman agnostik ini, buku ini juga bertujuan untuk mendidik umat Islam supaya dapat mengesan penularannya sebagai langkah berhati-hati sama ada untuk diri mereka sendiri mahupun ahli keluarga dan saudara seIslam agar tidak terpengaruh dengan fahaman tersebut. Secara tidak langsung masyarakat akan lebih berhati-hati dengan dakyah fahaman ini yang menggunakan pelbagai medium untuk mempengaruhi akidah serta pemikiran umat Islam.

Adalah menjadi harapan agar buku yang sederhana ini dapat membantu dari segi memberi pendedahan kepada seluruh umat Islam dalam usaha memurnikan akidah tauhid dan menyelamatkan akidah mereka daripada fahaman dan amalan yang boleh membatalkan syahadah dan iman. Semoga buku ini menjadi khazanah ilmu ketauhidan dan pedoman ke arah membangunkan umat Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan "*Jazakumullahu Khairan Kathira*" kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha

yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa  
Pengerusi MAIS**

---

# BAB 1

## AGNOSTIK: SATU TINJAUAN

---

### MUKADIMAH

Agnostisme adalah satu fahaman golongan yang tidak tahu cara untuk mereka mempercayai Tuhan kerana pada pandangan mereka kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan. Berdasarkan definisi Thomas Hendry Huxley, individu yang memperkenalkan istilah agnostik, golongan ini mungkin merupakan seorang Kristian, Yahudi mahupun Muslim tetapi memilih agnostik sebagai pegangan. Ringkasnya, ada di antara golongan ini mempercayai dan menyembah Tuhan, hanya mereka tidak mampu membuktikan kewujudan Tuhan. Golongan ini seperti terperangkap dalam dunia skeptikal kerana pada hakikatnya pengetahuan agama adalah berbeza dengan pengetahuan yang bersifat akademik dan logik. Dalam konteks Islam pula, pengetahuan agama bersabit dengan keyakinan hati atau iman dan penaakulan akal yang bersandarkan kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW.

Penulisan ini dihasilkan bagi memberi gambaran kepada umat Islam mengenai ancaman fahaman agnostisme di samping pengaruh-pengaruh pemikiran yang mampu menyimpangkan akidah umat Islam. Umat Islam sewajarnya peka dan mengambil serius dengan perkembangan fahaman ini yang mula menular

dalam kalangan umat Melayu-Islam di negara ini. Kesedaran tentang wujudnya permasalahan dan ancaman terhadap akidah umat Islam menjadi asas penggembangan peranan dan tindakan yang berterusan dalam usaha mencegah, mengekang dan membasmi elemen-elemen perosak akidah ini daripada terus membarah dalam kalangan umat Islam.

## TAKRIFAN

Agnostik berasal daripada bahasa Yunani “*a*” yang bererti tanpa dan “*gnostikos*” yang bermaksud pengetahuan. Ringkasnya, agnostik bermaksud “tidak memiliki pengetahuan”. Konsep agnostik itu berpegang pada fahaman bahawa manusia itu sebenarnya tidak memiliki pengetahuan mengenai kebenaran agama, metafizika dan ajaran Tuhan. Ia menterjemahkan sudut pandangan falsafah yang merujuk Tuhan, malaikat dan hari kiamat adalah sesuatu yang tidak diketahui atau tidak dapat diketahui kerana tidak terjangkau oleh akal manusia. Oleh kerana itu, perbincangan berkaitan hal ini adalah suatu yang sia-sia (*meaningless*). Agnostik menyakini bahawa sesuatu yang luar biasa menguasai segalanya di sekeliling mereka, tetapi golongan ini juga tidak yakin sesuatu yang luar biasa itu dapat dibuktikan kewujudannya.

Agnostik juga boleh dirujuk sebagai golongan yang tidak mempercayai ajaran agama, tetapi masih mempercayai bahawa Tuhan atau kebenaran tertinggi itu wujud. Pada masa yang sama, golongan agnostik meragui apakah manusia boleh mengetahui kewujudan Tuhan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan agnostik yang cenderung ke arah mempercayai bahawa Tuhan dan kebenaran tertinggi itu wujud. Hanya dalam konteks ini, golongan ini berpegang pada pendapat bahawa manusia tidak mampu membuktikan kewujudan Tuhan dan kebenaran tertinggi tersebut termasuk menerusi doktrin mana-mana agama. Golongan

agnostik berfikiran skeptisme lantaran sering mempersoalkan bagaimana untuk tidak mengenepikan kewujudan Tuhan sedangkan manusia itu sendiri wujud. Jika Tuhan itu wujud, di mana Dia serta bagaimana untuk mengetahui dan membuktikan kewujudanNya?

Terdapat perbezaan di antara golongan agnostik dengan golongan ateis. Golongan ateis tidak mengakui kewujudan Tuhan. Manakala golongan agnostik percaya bahawa tidak ada seorangpun mengetahui sama ada Tuhan itu wujud atau sebaliknya. Menurut pandangan golongan ini, segala perkara yang bersabit dengan Tuhan adalah bentuk pengetahuan yang tidak mampu dicapai oleh akal fikiran manusia.

Istilah agnostik diperkenalkan oleh Thomas Henry Huxley pada tahun 1869 ketika pengajuran sebuah majlis di London bagi mengutip dana untuk Persatuan Metafizik yang majoriti ahlinya terdiri daripada golongan pemikir. Namun begitu, prinsip-prinsip agnostisme telah dipelopori oleh para pemikir sebelumnya dalam karya-karya mereka. Antaranya termasuklah Sanjaya Belatthaputta, ahli falsafah India (abad ke-5 SM) yang menyatakan agnostisme tentang akhirat. Begitu juga pada abad yang sama, Protagoras, seorang agnostik Yunani, menyentuh agnostisme mengenai dewa atau alam malaikat dan Sukta Nasadiya mengemukakan agnostisme mengenai asal-usul alam semesta.

Huxley berpandangan bahawa manusia tidak akan mampu mengetahui asal usul dan sebab penciptaan alam semesta. Justeru menurutnya, membincangkan tentang Tuhan adalah satu perbuatan yang sia-sia kerana manusia tidak akan menemukan jawapannya. Huxley kemudiannya menjelaskan istilah agnostisme dalam konteks yang lebih spesifik iaitu agama. Menurut beliau, agnostisme merujuk pada kepercayaan, bahawa sekalipun manusia tahu tidak mungkin untuk mereka menolak akan kewujudan Tuhan, namun mustahil untuk manusia mengetahui tentang sifatNya secara mutlak.

Seorang lagi ahli pemikir agnostik iaitu Bertrand Russell meletakkan agnostisme sebagai kepercayaan yang berada di antara teis and ateis. Ringkasnya, Russell menyimpulkan agnostisme sebagai kepercayaan “*atas pagar*” iaitu; percaya kepada Tuhan pada masa yang sama persis tidak mempercayai Tuhan. Kesannya; beragama tidak, tidak beragama pun tidak. Situasi ini berlaku kerana golongan yang cenderung pada agnostisme ini bersikap kritis dan skeptikal. Sikap kritis dan skeptikal ini meletakkan golongan ini dalam satu proses mencari Tuhan dan kebenaran.

### BEBERAPA PANDANGAN AHLI PEMIKIR AGNOSTISME

Beberapa ahli pemikir sebelum Thomas Henry Huxley telah memberi pandangan mengenai konsep Tuhan. Antaranya termasuklah:

Immanuel Kant	• Kepercayaan kepada Tuhan hendaklah bersandarkan pada iman dan ia tidak boleh dicapai dengan akal tanpa sokongan penaakulan dan penyelidikan yang bersifat empirikal.
David Hume	• Tidak ada bukti yang cukup untuk seseorang mempercayai mukjizat, Tuhan, atau <i>immortality</i> hanya berdasarkan hukum empirikal atau logik semata-mata.
Sir William Hamilton	• Kemampuan falsafah manusia adalah terbatas untuk menjustifikasi teologi. Ini kerana Tuhan itu tidak dapat diketahui melalui bukti dan akal manusia, sebaliknya adalah satu kenyataan bahawa manusia perlu bergantung pada wahyu, iman dan ajaran-ajaran teologi.
Herbert Spencer	• Satu idea yang bersifat sekular dengan menyatakan bahawa secara prinsipnya kewujudan Tuhan atau segala bentuk realiti tertinggi adalah tidak diketahui. Maka, manusia tidak seharusnya membuat kesimpulan sama ada secara positif atau negatif tentang sifat asasnya.

**Rajah 1.1: Pandangan Ahli-Ahli Pemikir Tentang Konsep Tuhan**

Berdasarkan idea dan hujah-hujah utama mereka mengenai konsep Tuhan, golongan agnostik boleh dikelompokkan dalam beberapa kumpulan iaitu:

AGNOSTISME LEMAH & AGNOSTISME TEGAR	AGNOSTIK TEISME & AGNOSTIK ATEISME	AGNOSTISME APATETIK	IGNOSTISME
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agnostisme Lemah: Bersifat lembut, ringan, terbuka, empirikal atau sementara - mengesahkan kewujudan Tuhan pada masa ini tidak semestinya tidak dapat diketahui.</li> <li>• Agnostisme Tegar: Bersifat keras, tertutup, tegas atau kekal - mengesahkan bahawa kewujudan Tuhan tidak diketahui dan tidak dapat diketahui selamanya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agnostik Teisme: Percaya bahawa Tuhan wujud tetapi mereka tidak mengenali kewujudan Tuhan.</li> <li>• Agnostik Ateisme: Tidak percaya kepada Tuhan dan mendakwa bahawa Tuhan tidak wujud kerana mereka tidak mempunyai bukti tentang kewujudan Tuhan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil sikap tidak peduli dan acuh tidak acuh akan kewujudan Tuhan. Persoalan Tuhan wujud atau tidak hanyalah bersifat falsafah yang tidak mempunyai nilai praktikal serta tidak memberi kesan pada pengalaman manusia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempersoalkan apakah asas Tuhan wujud atau sebaliknya kerana menganggap Tuhan adalah istilah abstrak iaitu ia adalah perkara yang berbeza kepada orang yang berbeza dan dalam tradisi agama yang berbeza.</li> </ul>

Rajah 1.2: Jenis-jenis Agnostik

Agnostik, dalam pengertian bebas, adalah orang yang meragui tentang kewujudan Tuhan. Mereka tidak percaya bahawa Tuhan itu ada, tetapi mereka juga tidak percaya bahawa Tuhan itu tidak ada. Mereka mungkin adalah sekitar jutaan orang yang tidak percaya kepada Tuhan, tetapi tidak melangkah lebih jauh dengan mengatakan secara pasti bahawa Tuhan itu tidak ada. Seorang agnostik dalam pengertian sebenarnya menurut istilah adalah seseorang yang berpendapat bahawa kita tidak pernah tahu tentang sesuatu yang lain selain aspek kebendaan. Maka, persoalan sama ada Tuhan itu ada atau sebaliknya, tidak akan pernah terjawab.



Terdapat perbezaan di antara agnostik dan ateis. Secara terminologi, agnostik adalah individu yang memiliki pandangan bahawa ada atau tidaknya Tuhan tidak dapat diketahui. Agnostik

berbeza dengan gnostik, ateis dan teis. Gnostik berpendapat bahawa Tuhan dapat diketahui sebagai ada atau tidak. Sementara itu, ateis dan teis pula lebih berimplikasi pada sikap dan tindakan. Seseorang itu tergolong sebagai teis jika dia percaya Tuhan itu ada dan segala tindakannya dilakukan dengan berpedoman atas perintahNya. Golongan ateis pula tidak menganggap Tuhan itu ada dan tidak mendasarkan tingkah laku atas perintahNya. Justeru dalam konteks ini, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat empat jenis kategori iaitu:




**Rajah 1.3: Perbezaan Agnostik dan Ateis Mengikut Kategori**

Berdasarkan pada huraian kategori di atas secara umumnya golongan teis agnostik (golongan yang tidak yakin bahawa Tuhan ada atau tidak), masih melaksanakan sesetengah ibadat sebagai satu sikap berjaga-jaga (disebabkan kebiasaan yang tertanam hasil didikan semenjak kecil atau alasan-alasan lain) lebih mendominasi berbanding dengan kategori lain.



\* Lebih tegar daripada ateisme tegar berdasarkan pendirian tahu Tuhan tidak wujud

Rajah 1.4 : Dimensi Agnostik, Gnostik, Teis dan Ateis



Rajah 1.5: Perbezaan Antara Teis, Ateis dan Agnostik

Istilah agnostik juga awalnya digunakan bagi golongan yang meragui akan kewujudan Tuhan sama ada benar atau sebaliknya serta perkara-perkara *sam'iyyat* (perkara-perkara yang hanya

diketahui melalui Al-Qur'an dan Al-Hadis serta tidak dapat digambarkan oleh pancaindera dan di luar batas akal fikiran manusia) seperti malaikat, pahala, dosa, alam barzakh, hari kiamat dan hari akhirat.

Apa yang membimbangkan adalah pengaruh fahaman agnostik turut menular dalam kalangan umat Islam. Dalam konteks ini, golongan yang terpengaruh dengan fahaman agnostik ini terdiri daripada individu-individu yang skeptikal terhadap ajaran Islam sebagai jalan penyelesaian pada permasalahan dunia. Keraguan golongan ini bertitik tolak daripada penilaian sempit mereka mengenai tahap kualiti umat Islam yang pada tanggapan mereka masih rendah serta permasalahan sosial seperti kemiskinan, pengangguran, jenayah, konflik, perpecahan serta perbezaan berdasarkan agama dan bangsa yang masih berleluasa. Terdapat sebahagian golongan ini cenderung pada pemikiran sekular dengan menolak kawalan Tuhan dalam sosial, politik, budaya dan bernegara. Ringkasnya, golongan ini berusaha memisahkan agama dengan kehidupan bermasyarakat dan bernegara kerana tidak percaya bahawa ajaran Tuhan dapat menyelesaikan urusan bermasyarakat dan bernegara.

Golongan agnostik dalam kalangan umat Islam terbahagi pada dua kategori. Pertama, golongan yang skeptikal terhadap ajaran Islam sebagai penyelesaian bagi permasalahan masyarakat. Sikap skeptikal golongan ini terhadap ajaran Islam dikenali sebagai, "*closed agnosticism*" iaitu sikap dan sudut pandang yang ekstrim menyatakan bahawa Tuhan dan ajarannya tidak dapat diketahui dan diabsahkan oleh akal manusia. Natijahnya, ajaran agama "Tuhan" menjadi "*meaningless*" atau tidak bermakna. Justeru menurut pandangan mereka, apapun usaha yang dikaitkan dengan ajaran Tuhan tertolak dengan sendirinya.

Kedua, golongan yang tidak mempunyai asas keilmuan ajaran yang dianutnya. Dalam konteks ini dan jika diukur dalam

kerangka tradisi bermazhab dalam Islam, terdapat tiga kelas tingkatan yakni *mujtahid* (seorang *mujtahid*), *muttabi'* (pengikut) dan *muqallid* (pentaklid). Dalam hal ini, golongan agnostik tersebut mengambil bentuk dalam diri seorang *muqallid*. Ia berbeza dengan golongan *muttabi'* yang boleh dikategorikan sebagai gnostik pasif kerana lebih cenderung mengikut pandangan tanpa mengkaji secara serius sebelum membuat kesimpulan. Bagi golongan *mujtahid* pula, mereka dikategorikan sebagai gnostik aktif kerana bersungguh-sungguh dalam melakukan verifikasi terhadap ajaran agama baik dalam Al-Qur'an mahupun As-Sunnah Rasulullah SAW.

## CIRI-CIRI GOLONGAN AGNOSTIK

1.	•Mengambil pendirian bertuhan tetapi tidak beragama.
2.	•Mempunyaipendidikan, kefahaman dan penghayatan agama yang cetek.
3.	•Mempunyaipkecenderungan meluaskan pengaruh di kalangan golongan intelektual, akademia dan ahli falsafah.
4.	•Memiliki sikap narsistik (cenderung memuja atau mengagumi diri sendiri dengan berlebihan).
5.	•Mempunyaipkecenderungan untuk menjadi dominan.
6.	•Mengambil pendirian tidak mengikuti konsensus majoriti.
7.	•Menonjolkan golongan mereka berbeza dengan mempamerkan sudut pandangan kepercayaan agnostisme.
8.	•Menolak metafizik.
9.	•Memegang kuat pada positivisme dan saintisme.
10.	•Memiliki kecenderungan pada pemikiran pragmatis dan sekular.
11.	•Mengenepikan tradisi.

**Rajah 1.6: Ciri-Ciri Golongan Agnostik**

## KESAN FAHAMAN AGNOSTISME

1. • Menolak agama dan doktrin keagamaan.
2. • Menerima semua agama sekaligus kerana menganggap semuanya mungkin benar.
3. • Mementingkan diri serta kemahuan sendiri dan tidak memiliki tujuan hidup yang jelas.
4. • Menganggap tidak ada sesuatu yang mutlak dalam hidup ini.
5. • Mempunyai tanggapan bahawa kebenaran dan kebatilan adalah sesuatu yang relatif serta kebenaran adalah sesuatu yang semata-mata nampak di depan mata.
6. • Mempunyai kecenderungan berpegang pada konsensus yang diterima oleh masyarakat walaupun bertentangan dengan nilai-nilai agama serta moral kerana tidak memiliki standard nilai atau moral.
7. • Membenarkan kemungkaran dan kebatilan sekiranya ia mempunyai alasan yang tepat.

**Rajah 1.7: Kesan Fahaman Agnostisme**

---

## BAB 2

# PENYEBAB-PENYEBAB BERLAKUNYA GOLONGAN AGNOSTIK

---

### MUKADIMAH

Umat Islam berhadapan dengan cabaran yang semakin hebat dalam mempertahankan akidah Islam yang hak. Cabaran tersebut antara lainnya adalah dalam bentuk serangan pemikiran yang sebahagiannya berpunca daripada fahaman-fahaman yang diperkenalkan khususnya oleh pihak barat. Namun begitu, faktor-faktor lain turut menyumbang pada permasalahan penyimpangan akidah termasuklah aspek-aspek asas yang melingkungi kehidupan seharian seperti tahap pegangan dan penghayatan Islam, peranan ibu bapa dan keluarga, sokongan kerajaan dan badan-badan Islam, elemen kawalan dan penguatkuasaan dan sebagainya.

Justeru, sikap “cegah sebelum parah” adalah amat kritikal dan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Usaha memantau, membendung, mengawal dan mendidik perlu digemblengkan bagi menangani permasalahan penyimpangan akidah termasuk juga fahaman agnostik yang mula menular dalam kalangan umat Islam di negara ini. Peringatan daripada Rasulullah SAW wajar dijadikan pedoman bagi menyelamatkan akidah umat Islam melalui sebuah hadis dengan mafhumnya;

"Terdapat segolongan manusia yang mentaati perintah-perintah Allah dan segolongan manusia yang lain yang melanggari batasan-batasan Allah. Perumpamaan mereka adalah seperti dua golongan yang menaiki sebuah kapal di mana satu golongan menduduki bahagian atas dan satu golongan lagi menduduki bahagian perut kapal tersebut. Apabila golongan yang berada di dalam perut kapal memerlukan air mereka menyuruh golongan yang di atas mengambilinya untuk mereka sehingga mereka berkata: 'Adakah patut kita menyusahkan golongan di atas apabila kita memerlukan air sedangkan kita boleh mendapatkan air yang banyak dengan melubangi bahagian bawah kapal ini.' Maka sekiranya golongan di atas tidak mencegah mereka daripada kebodohan ini mereka akan karam kesemuanya."

(Hadis Riwayat Al-Bukhary dan At-Tirmidzi)

## FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB PENYIMPANGAN AKIDAH

Faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu menyimpang dari landasan akidah antaranya termasuklah:


1. • Pemahaman dan penghayatan ajaran Islam yang lemah.

2. • Persekitaran yang mempengaruhi pemikiran, keperibadian dan cara hidup.

3. • Pemikiran skeptikal tanpa perisai iman.

4. • Penyelewengan akidah dan pemikiran oleh golongan berkepentingan.

Rajah 2.1: Faktor-Faktor Penyebab Penyimpangan Akidah



## i. PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN AJARAN ISLAM YANG LEMAH

- ❖ Meminggirkan Islam sebagai satu cara hidup.
- ❖ Mempelajari ajaran Islam secara asas kerana menganggap ia sekadar pendidikan formal yang perlu dipelajari.
- ❖ Menjalani kehidupan sebagai seorang Islam hanya kerana mereka dilahirkan dalam keluarga Islam dan mewarisi agama yang menjadi pegangan keluarganya.

**Peringatan daripada Al-Qur'an:**

Firman Allah SWT yang bermaksud:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya:

"...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 3)

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي الْإِسْلَامِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُوا  
خُطُواتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata."*

(Surah Al-Baqarah; 2 : 208)

## ii. PERSEKITARAN YANG MEMPENGARUHI PEMIKIRAN, KEPERIBADIAN DAN CARA HIDUP

- ❖ Membesar dalam persekitaran yang bertentangan dengan prinsip biah solehah (kebaratan, hedonistik, materialistik dan sebagainya).
- ❖ Menerima maklumat dan pengaruh yang luas daripada anasir-anasir negatif serta merosakkan daripada media elektronik, media cetak, alam siber, teknologi gajet dan sebagainya.
- ❖ Memilih rakan pergaulan yang salah.

Peringatan daripada Al-Qur'an dan Al-Hadis:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَقْوَا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتِ مِنْ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلِكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya:

*"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."*

(Surah Al-A'raaf; 7 : 96)

*"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam), maka kedua orang tuanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi."*

(Hadis Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

*"Agama seseorang itu adalah mengikut rakannya, maka telitilah seseorang yang ingin dijadikan rakan baiknya."*

(Hadis Riwayat Abu Dawud)

### iii. PEMIKIRAN SKEPTIKAL TANPA PERISAI IMAN

- ❖ Melampaui batas dan tetap dalam keraguan walaupun kandungan Al-Qur'an dan kejadian-kejadian yang berlaku dalam kehidupan adalah bukti dan keterangan yang nyata.
- ❖ Mencari kebenaran Tuhan dan agama dengan bersandarkan akal fikiran dan tidak menerima perkara yang bertentangan dengan akal fikirannya.
- ❖ Membuat perbandingan agama dan beberapa aliran pemikiran tanpa merujuk pada Al-Qur'an dan Al-Hadis.
- ❖ Mempersetujui aliran pemikiran yang sesuai dengan

jiwa ataupun yang dapat memenuhi kehendak atau kepentingannya.

### Peringatan daripada Al-Qur'an:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَمَا يَتَبَعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنَّاً إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا  
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya:

"Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktitak). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan."


(Surah Yunus; 10 : 36)

Firman Allah SWT:

وَاحِدَةً وَلِكُنْ لَّيَبْلُوُكُمْ فِي مَا ءَاتَنُكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ  
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيَنِّيُّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلُفُونَ

Maksudnya:

"...Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing) dan kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa



*yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”*

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 48)

#### iv. PENYELEWENGAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN OLEH GOLONGAN BERKEPENTINGAN

- ❖ Memilih pimpinan syaitan dengan meninggalkan pimpinan *Ar-Rabb*.
- ❖ Menilai dan memberi tafsiran terhadap ajaran Islam mengikut acuan kepentingan diri kononnya mengikut peredaran zaman.
- ❖ Mempunyai sikap kurang peka terhadap sejarah dan realiti semasa yang menunjukkan terdapat golongan atau badan-badan tertentu (termasuk golongan agamawan dan ahli politik) yang mempunyai agenda tersirat untuk menyimpangkan akidah umat Islam.
- ❖ Mempunyai sikap taksub dan mengamalkan taklid buta terhadap sesuatu fahaman, prinsip atau tokoh-tokoh tertentu yang diyakininya walaupun jelas kebatilannya.

#### Peringatan daripada Al-Qur'an:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

فِرِيقًا هَدَىٰ وَفِرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الْأَضْلَالُ إِنَّهُمْ أَخْنَذُوا اللَّهَ شَيْطَانَ أَوْ يَأْتُهُم مِّن دُونِ

اللَّهِ وَسَخَّسُوبُونَ أَنَّهُمْ مُهْتَدُونَ

Maksudnya:


*"Sebahagian (daripada umat manusia) diberi hidayat petunjuk oleh Allah (dengan diberi taufik untuk beriman dan beramal soleh) dan sebahagian lagi (yang ingkar) berhaklah mereka ditimpa kesesatan (dengan pilihan mereka sendiri), kerana sesungguhnya mereka telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin (yang ditaati) selain Allah. Serta mereka pula menyangka, bahawa mereka berada dalam petunjuk hidayat."*

(Surah Al-A'raaf; 7 : 30)

### **ALIRAN-ALIRAN PEMIKIRAN YANG BOLEH MEMPENGARUHI SESEORANG MENJADI AGNOSTIK**

Fahaman agnostik juga boleh menjerumuskan seseorang pada masalah penyimpangan akidah. Sekiranya diteliti tentang prinsip dan gaya pemikiran golongan agnostik, jelas menunjukkan bahawa sedikit sebanyak ia dipengaruhi oleh unsur dan nilai beberapa aliran pemikiran yang diperkenalkan oleh pihak barat. Antara aliran pemikiran tersebut termasuklah:

- i. Modernisme dan humanisme
- ii. Materialisme
- iii. Sekularisme
- iv. Pluralisme dan liberalisme



**Rajah 2.2: Aliran Pemikiran Yang Boleh Mempengaruhi Seseorang Menjadi Agnostik**

### i. MODENISME DAN HUMANISME

Pada umumnya, modenisme barat berdasarkan falsafah *enlightenment-humanism* (pencerahan-kemanusiaan berasaskan akal) yang bersifat angkuh dan mengagungkan akal rasional. Terdapat tiga premis utama yang mendasari pemikiran modenisme. Pertama, Tuhan itu tidak wujud atau diragui kewujudannya (ateisme, agnotisme). Kedua, alam semesta wujud secara semula jadi mengikut hukumnya yang tersendiri (*immanentisme*). Ketiga, akal rasional dan pancaindera mampu memahami fenomena alam dengan sendiri dan bukannya bergantung pada wahyu (humanisme, rasionalisme).

Pada hari ini, gerakan *enlightenment* telah beralih kepada gerakan humanisme dipelopori oleh *Council for Secular Humanism*. Menurut mereka, humanisme bermaksud: “Cara berfikir dan cara hidup yang bertujuan untuk memberikan yang terbaik bagi manusia, dengan menolak segala kepercayaan agama dan kuasa di luar tabii.


*Humanisme menekankan rasional manusia dan pengkajian saintifik, kebebasan individu, nilai-nilai kemanusiaan dan kasih sayang serta semangat toleransi.”*

Penjelasan tentang humanisme di atas bermaksud wujudnya perbezaan antara agama dan sains, antara moraliti dan kebebasan individu serta antara Tuhan dan nilai-nilai kemanusiaan. Pemikiran humanisme yang mengatakan apa yang wujud hanyalah manusia sahaja dan tidak ada kaitan dengan campur tangan Tuhan telah melahirkan fahaman-fahaman yang menolak wahyu sebagai sumber pengetahuan termasuk agnostisme.

## ii. MATERIALISME

Materialisme adalah satu fahaman setiap kewujudan bersifat materi. Menurut fahaman ini, pada dasarnya semua hal terdiri atas materi dan semua fenomena adalah hasil interaksi material. Materialisme juga bertentangan dengan idealisme. Materialisme tidak mempercayai entiti-entiti bukan materi seperti roh, syaitan, malaikat, syurga, neraka dan alam ghaib. Fahaman ini juga menolak kewujudan Tuhan atas alasan setiap kewujudan perlu bersifat materi. Materialisme ini sepertimana ateisme tidak mengakui adanya Tuhan secara mutlak. Justeru, mereka mempercayai materi dan aktivitinya bersifat abadi. Mengikut fahaman ini, tiada penggerak pertama atau sebab pertama. Tiada kehidupan yang kekal kerana semua yang wujud akan mengalami perubahan.

Lima teras fahaman materialisme:



1. • Mempercayai bahawa segala yang wujud di dunia ini berasal daripada satu sumber iaitu materi (*ma'dah*).
2. • Menolak kepercayaan terhadap alam ghaib.
3. • Menjadikan *pancaindera* sebagai satu-satunya alat mencapai ilmu.
4. • Memposisikan ilmu sebagai pengganti agama dalam menetapkan sesuatu hukum.
5. • Menjadikan kecenderungan dan tabiat manusia sebagai akhlak.

**Rajah 2.3: Teras Fahaman Materialisme**

Matlamat utama materialisme hanyalah kebendaan dan menjadi inti pati segala-galanya. Hal ini menyebabkan golongan yang berpegang pada prinsip materialisme menolak kewujudan Tuhan. Fahaman ini juga menjadikan manusia hanya mementingkan kebendaan dan mengenepikan nilai-nilai moral.

Materialisme bukan sahaja mengancam seseorang individu tetapi ia juga menghancurkan nilai-nilai asas yang dipegang oleh sesebuah negara dan masyarakat, seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang tidak berjiwa dan sanggup menggadaikan nilai-nilai moral kerana fokus mereka hanyalah pada perihal kebendaan. Materialisme juga sebahagian daripada ancaman terhadap nilai-nilai asas politik dan masyarakat sesebuah negara bangsa.


Sejarah dan realiti semasa membuktikan bahawa materialisme mendorong pada keganasan dan perbalahan sama ada dalam sesebuah masyarakat mahupun terhadap sesebuah negara. Komunisme yang merupakan pegangan asas fahaman ini adalah hasil daripada falsafah materialis. Ia berusaha untuk membasmikan nilai-nilai murni sesuatu agama yang menjadi rujukan manusia dan masyarakat.

### iii. SEKULARISME

Istilah sekularisme diperkenalkan oleh seorang penulis Inggeris, George Holyoake pada tahun 1846. Holyoake menggunakan istilah sekularisme untuk menjelaskan pandangannya bahawa kehidupan sosial adalah terpisah daripada agama, tetapi tidak bermakna ia merendahkan atau mengkritik sebuah kepercayaan beragama. Sebagai seorang agnostik, Holyoake berpendapat bahawa, sekularisme bukanlah menentang Kristian (agama) namun ia adalah sesuatu yang terpisah.

Dalam konteks keagamaan, masyarakat khususnya di barat pada umumnya dianggap sebagai sekular. Hal ini disebabkan kebebasan beragama diamalkan secara meluas dan penerimaan mereka terhadap konsep sekular itu sendiri iaitu agama tidak seharusnya menentukan keputusan politik atau pemerintahan sesebuah negara. Agama tidak dianggap sebagai fungsi penting mengurus kehidupan manusia dan dunia. Justeru, pada tanggapan golongan berfahaman sekular, agama tidak seharusnya mencampuri urusan serta permasalahan pemerintahan. Ringkasnya, sekularisme adalah satu sistem falsafah politik yang menolak segala bentuk kepercayaan agama dan dalam konteks bernegara, ia mengambil pendekatan memisahkan politik dengan agama.

Sekularisme turut meresap masuk ke dalam masyarakat dan negara Islam. Pada era ledakan globalisasi, pengaruhnya semakin kuat sehingga ciri-ciri golongan Muslim yang berpegang pada fahaman sekularisme dapat dikesan menerusi ciri-ciri berikut:



Mempunyai perasaan sangsi terhadap kebenaran Islam, Al-Qur'an, Al-Hadis dan para anbia.	Menganggap Islam sekadar sebuah agama dan terbatas pada urusan ibadah serta untuk memenuhi tuntutan kerohanian peribadi dan tidak mempunyai kaitan dengan urusan politik atau pemerintahan.	Mempersoalkan hukum-hukum fiqh.
Merendah-rendahkan martabat Islam dengan menganggapnya sebagai satu agama yang mundur, terkebakalang dan jahil.	Membebaskan golongan wanita daripada lingkungan peraturan agama dan adat atas alasan kebebasan individu.	Memandang rendah sejarah modernisasi dan pembangunan serta ilmu pengetahuan Islam.
Menubuh dan menggerakkan pertumbuhan-pertumbuhan kononnya sebagai simbol pembaharuan sejarah, kebudayaan dan peradaban Islam dengan membelaikan sejarah, adat dan ajaran Islam.	Menerapkan cara hidup barat dalam institusi keluarga, masyarakat dan negara.	Menjauhkan masyarakat dan generasi baharu daripada pendidikan dan nilai-nilai agama.

**Rajah 2.4: Ciri-Ciri Golongan Berfahaman Sekularisme**

Sekularisme yang berasal dari Eropah diperkuuhkan dengan pemikiran golongan ahli falsafah seperti Machiaveli dan Michael Mountaigne yang mengingkari keberadaan Tuhan atau menolak hegemoni agama dan gereja Katolik. Mereka mengambil jalan tengah iaitu tetap mengakui agama tetapi berpendapat ia tidak seharusnya campur tangan dalam pengaturan urusan masyarakat. Justeru, bagi golongan ini agama tetap diakui kewujudannya tetapi hanya terbatas pada perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Tuhan (seperti akidah, ibadah ritual dan akhlak). Menurut mereka, agama tidak mengatur urusan masyarakat seperti politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.


Fahaman sekularisme merupakan satu ancaman kepada umat Islam. Antaranya termasuklah:

- Menolak peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT dan menjauhkan umat daripada syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan kaum Muslimin.

- b. Mengguna pakai undang-undang ciptaan manusia yang bersumberkan daripada golongan kuffar berbanding dengan undang-undang yang berasaskan wahyu daripada Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW.
- c. Memberi gambaran yang salah mengenai imej Islam sebagai agama dan umat yang cenderung pada kekacauan dan keganasan dengan memutarbelitkan sejarah keemasan Islam yang berjaya meluaskan penaklukan serta menyebarluaskan ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia.
- d. Menjadikan pendidikan sebagai alat menyebarkan pemikiran sekular.
- e. Menyamaratakan semua agama dengan alasan semua ajaran agama adalah benar dan baik.
- f. Meruntuhkan institusi keluarga yang merupakan asas utama dalam pembinaan masyarakat melalui multimedia (cetak dan elektronik) berhubung kebebasan hidup (agama, cara hidup, gender dan seksualiti) yang akhirnya mengundang kerosakan segi akidah dan akhlak.
- g. Mengekang usaha dan aktiviti dakwah Islamiyyah.

#### iv. PLURALISME DAN LIBERALISME

Pluralisme adalah satu fahaman falsafah yang mengatakan bahawa semua agama di dunia ini adalah sama dari segi taraf, matlamat, kebaikan dan kebenaran. Ideologi ini berpandangan bahawa keragaman dan kepelbagaiannya agama seperti Islam, Yahudi, Kristian, Buddha dan sebagainya telah membawa pertelingkahan, kacau-bilau, kemudaratian, perperangan dan malapetaka kepada manusia dan dunia.



Profesor Syed Muhamad Naquib At-Attas menerusi karyanya, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* menyatakan bahawa idea pluralisme agama sengaja dikembangkan dengan motif bukan untuk mencari kebenaran tetapi lebih pada untuk mencari populariti dengan menawar satu hipotesis kepada keragaman agama. Ideologi tersebut diperkenalkan dengan kepercayaan bahawa ia menjadi penyelesaian pada situasi antara polemik dan pertelingkahan antara pelbagai agama sehingga berjaya menarik manusia menerima idea pluralisme dengan alasan kononnya ia dapat menyatukan semua agama dalam satu bentuk falsafah transendenisme.

Pluralisme sering dikaitkan dengan Islam Liberal. Pendokong Islam Liberal mendakwa bahawa pluralisme merupakan satu wadah yang paling penting untuk semua agama di dunia ini. Hal ini menyebabkan pelbagai fenomena baru dalam masalah akidah dan syariat sehingga dicampuradukkan dengan pelbagai agama.

Kesan daripada ideologi pluralisme memaparkan kepada masyarakat bagaimana orang Islam boleh bersembahyang di dalam rumah-rumah ibadat agama lain. Begitu juga pemimpin-pemimpin agama bukan Islam boleh bersama-sama mengamalkan ibadat di mana-mana masjid. Orang Islam boleh menghadiri acara pengkbumian orang kafir dengan mengikuti ritual agama orang kafir. Tidak kurang juga fenomena seperti pembakaran lilin merupakan satu lagi bentuk pluralisme agama. Perkembangan realiti yang menggusarkan ini dianggap oleh pendukung dan pengikut pluralisme sebagai dasar keharmonian, keamanan, kesamarataan dan keadilan. Golongan ini beranggapan bahawa apabila orang kafir dapat bersatu dengan Islam dalam hal ritual agama, maka wujudlah kebahagiaan dan keamanan.

Menurut Habib Muhammad Rizieq, Ketua Umum FRONT Pembela Islam (FPI) Indonesia, fahaman liberal boleh

diumpamakan seperti penyakit kanser pemikiran yang sudah mencapai tahap tinggi iaitu tahap empat kerana terdapat sekurang-kurangnya empat virus pemikiran yang sangat berbahaya iaitu:

VIRUS  
RELATIVISME

- Virus pemikiran yang membuat seseorang itu meyakini bahawasanya tidak ada kebenaran mutlak termasuk kebenaran agama. Semua kebenaran bersifat relatif dan menganggap semua agama sama dan benar serta sama-sama menuju syurga.

VIRUS  
SKEPTISME

- Virus pemikiran yang mempengaruhi seseorang yang sudah terlalu lama menganggap tidak ada kebenaran mutlak sehingga lama kelamaan mereka meragui kebenaran. Ini termasuk meragui kebenaran agama dan tidak yakin agama mampu menangani urusan perekonomian, perniagaan, politik dan urusan negara. Golongan ini membatakan agama hanya untuk urusan ibadah sahaja. Mereka juga cenderung pada pemikiran sekularisme iaitu memisahkan antara urusan agama dengan urusan negara.

VIRUS AGNOSTIK

- Virus pemikiran yang tidak mempedulikan kebenaran agama serta persoalan halal dan haram. Mereka juga hanya menggunakan ukuran kebendaan dalam menentukan sesuatu itu baik atau buruk, benar atau salah. Golongan ini menganggap apa-apa yang boleh mendatangkan hasil kebendaan itu dianggap benar dan diterima.

VIRUS ATEIS

- Virus pemikiran yang tidak mempercayai agama. Golongan ini menolak kewujudan Allah SWT sebagai Tuhan, Nabi Muhammad SAW sebagai rasul, syurga dan neraka serta apa sahaja yang menurut mereka tidak realistik. Syurga dan neraka tidak kelihatan di mata, tidak boleh dibuktikan. Jadi mereka menolak kebenarannya, maka semuanya serba rasionalisme.

Rajah 2.5: Kelompok Virus Pemikiran

---

## BAB 3

# KEMUSYKILAN GOLONGAN AGNOSTIK

---

### MUKADIMAH

Secara umumnya, golongan agnostik mempercayai kewujudan Tuhan tetapi menuntut jawapan bagaimana kewujudan Tuhan. Golongan ini juga bersikap skeptikal terhadap agama dan banyak hujah mereka bersandarkan pada hukum logik atau akal semata-mata. Justeru, bab ini mengemukakan jawapan terhadap beberapa kemosykilan yang sering ditimbulkan oleh golongan agnostik. Setiap jawapan yang diberikan adalah dalam kerangka Islam selaras dengan sifat Islam itu sendiri iaitu benar, syumul dan sesuai untuk semua zaman.

## BEBERAPA KEMUSYKILAN GOLONGAN AGNOSTIK

### SOALAN 1

JIKA ALLAH MENCIPTA SESUATU, SIAPA YANG MENCIPTA ALLAH?

### JAWAPAN

Menurut Al-Qur'an, Allah itu adalah Pencipta segala kejadian. Hal ini dinyatakan dengan jelas menerusi Surah Al-Ikhlas:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿۱﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ لَمْ يَكُنْ لَّهٗ كُفُواً أَحَدٌ

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanmu) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya."

(Surah Al-Ikhlas; 112 : 1-4)

Berdasarkan nas tersebut, Allah mendefinisikan diriNya sebagai Tuhan yang tunggal serta menjadi tumpuan hajat bagi sekalian makhluk. Di samping itu, ayat berkenaan menjelaskan bahawa tidak ada satu makhluk pun yang serupa atau setara dengan Allah.

Kewujudan Allah tidak sepertimana kewujudan alam yang *huduth* (baharu) yang menerima perubahan, permulaan dan kesudahan. Ini adalah kerana zat dan sifat Allah adalah qadim (tiada permulaan) dan *baqa'* (tiada kesudahan). Sifat kewujudan Allah tersebut diperkuatkan dengan nama-namaNya yang

menggambarkan Allah sebagai Pencipta dan tidak diciptakan antaranya termasuklah *Al-Awal*, *Al-Akhir*, *Al-Zahir* dan *Al-Batin*. Nama-nama Allah berkenaan menunjukkan Allah tidak dicipta di samping menegaskan bahawa diriNya sebagai yang awal dan akhir serta wujud walaupun tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia. Hakikat ini diperkuuhkan dengan firman Allah SWT:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

*“Dialah Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Zahir serta Yang Batin dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah Al-Hadiid; 57 : 3)

Persoalan siapa yang mencipta Allah tidak akan berkesudahan sekiranya manusia terus berusaha untuk cuba menjawab persoalan tersebut. Contohnya, jika seseorang itu mengandaikan ‘A’ mencipta Allah, ia akan disusuli pula dengan soalan siapa pula yang mencipta ‘A’? Kemudian diandaikan pencipta ‘A’ adalah ‘B’, maka soalan yang sama akan timbul iaitu siapa yang mencipta ‘B’? Akhirnya, persoalan ini akan menjadi tidak berkesudahan sampai bila-bila dan tidak memberi apa-apa manfaat. Ringkasnya, Allah itu wujud sebelum wujudnya zaman dan segala makhluk ciptaan. Allah yang mencipta serta menguasai alam dan semua makhluk. Justeru, mana mungkin pencipta wujud selepas makhluk ciptaanNya.

## SOALAN 2

BAGAIMANA UNTUK MENGENAL ALLAH SEKIRANYA MANUSIA TIDAK DAPAT MELIHAT, MENDENGAR, MENYENTUH, MENGHIDU DAN MERASA AKAN KEWUJUDANNYA?

## JAWAPAN

Dalam konteks Islam, cara mengenal Allah itu boleh dilakukan melalui:

- i. Ayat-ayat *kauniyah* (tanda-tanda keagungan Allah pada alam semesta atau seluruh makhlukNya).
- ii. Ayat-ayat *syar'iyyah* (tanda-tanda keagungan Allah, pada syariat atau agamaNya).

Berdasarkan kaedah tersebut, terdapat empat aspek dapat dijadikan sandaran untuk mengenal Allah:

- i. Mengenal kewujudan Allah.
  - ii. Mengenal keesaan *rububiyyah* Allah.
  - iii. Mengenal keesaan *uluhiiyyah* Allah (hak Allah untuk manusia beribadah untukNya).
  - iv. Mengenal nama-nama dan sifat-sifat Allah.
- 
- i. **MENGENAL KEWUJUDAN ALLAH**

Muslim yang beriman meyakini bahawa Allah itu ada. Keyakinan tersebut disokong oleh fitrah, akal dan pancaindera manusia serta kepatuhan pada ketetapan syariat.

Dalil yang sangat jelas bahawa fitrah seseorang mengakui Allah itu wujud adalah berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذَ رُبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ وَأَشَهَّهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ  
 بِرِّيْكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ  
 أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ إِبَّاَوْنَا مِنْ قَبْلٍ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِنْ بَعْدِهِمْ أَفَنَهْكُنَا بِمَا  
WT  
 فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ

Maksudnya:

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firmanNya): Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."

"Atau supaya kamu tidak mengatakan: Sesungguhnya ibubapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?"

(Surah Al-A'raaf; 7 : 172-173)

Di samping itu, dengan mengamati segala kejadian di alam semesta ini yang terdiri daripada pelbagai bentuk, jenis, warna dan sebagainya secara tidak langsung akal manusia menyimpulkan

bahawa tidak mungkin semua kejadian tersebut wujud sendiri malah tentu ada penciptanya. Begitu juga kita sering melalui dan menyaksikan pelbagai pengalaman manusia. Antaranya, apabila manusia berkehendakkan sesuatu ataupun sedang ditimpa ujian lantas mereka berdoa kepada Allah dan doa mereka dimakbulkan oleh Allah SWT.

## ii. MENGENAL RUBUBIYYAH ALLAH

*Rububiyyah* Allah adalah mengesakan Allah dalam tiga perkara iaitu; penciptaan, kekuasaan, dan pengaturanNya. Keesaan *rububiyyah* Allah itu bermaksud, meyakini bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mencipta, memiliki, menguasai, menghidupkan, mematikan, memberi rezeki, mendatangkan kebaikan dan mendatangkan bencana serta mengatur seluruh makhluk.

Dalam konteks ini, tauhid keesaan *rububiyyah* turut diakui oleh golongan musyrik pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ مَن يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنَ يَمْلِكُ السَّمَعَ وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ  
 الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمَنْ يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ  
 فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ

Maksudnya:

"Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan

*siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: Allah jualah yang menguasai segala-galanya! Oleh itu, katakanlah: (Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?"*

(Surah Yunus; 10 : 31)

Malah, iblis juga turut mengakui bahawa Allah SWT telah menciptakannya daripada api seperti yang diberitakan oleh ayat berikut:

قالَ مَا مَنَعَكَ أَلَا تَسْجُدَ إِذْ أَمْرَتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ حَلَقْتِنِي مِنْ نَارٍ وَحَلَقْتَهُ  
قالَ مَا مَنَعَكَ أَلَا تَسْجُدَ إِذْ أَمْرَتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ حَلَقْتِنِي مِنْ نَارٍ وَحَلَقْتَهُ  
من طينٍ

Maksudnya:

*"Allah berfirman: Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu? Iblis menjawab: Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku daripada api sedang dia Engkau jadikan daripada tanah."*

(Surah Al-A'raaf; 7 : 12)

Namun begitu, realiti kini memperlihatkan kepada kita bahawa masih ramai dalam kalangan umat Islam berhadapan dengan penyimpangan akidah. Terdapat sebahagian umat Islam yang masih menyakini bahwa selain Allah, ada yang mampu menolak mudarat dan mendatangkan manfaat, menyembuhkan penyakit dan sebagainya. Usaha mereka bukan atas prinsip ikhtiar tetapi meminta-minta di tanah perkuburan, dukun, penillik nasib dan lain-lain yang boleh menyebabkan seseorang itu syirik kepada Allah. Justeru, prinsip *rububiyyah* Allah perlu dipegang kukuh oleh setiap umat Islam supaya terhindar daripada perbuatan mempersekuatkan Allah SWT.

### iii. MENGENAL ULUHIYYAH ALLAH

*Uluhiyyah* Allah adalah mengesakan segala bentuk peribadatan bagi Allah seperti berdoa, meminta, tawakal, takut, berharap, menyembelih, bernazar, cinta dan jenis-jenis ibadah yang telah diajarkan oleh Allah dan Rasulullah SAW. Dalam hal ini, memperuntukkan satu jenis ibadah kepada selain daripada Allah adalah termasuk perbuatan zalim yang besar di sisiNya serta boleh menjerumuskan seseorang pada perbuatan mensyirikkan Allah.

### iv. MENGENAL NAMA-NAMA DAN SIFAT-SIFAT ALLAH

Ia membawa maksud bahawa kita mengimani bahawa Allah memiliki nama-nama yang Dia telah menamakan diriNya. Allah SWT memiliki nama-nama yang mulia dan sifat yang tinggi berdasarkan firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُحْزِزُونَ  
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ


Maksudnya:

*“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu...”*

(Surah Al-A’raaf; 7 : 180)

Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْمَثُلُ الْأَعْلَىٰ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ



Maksudnya:

*“...bagi Allah jualah sifat yang tertinggi dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah An-Nahl; 16 : 60)

Dalam hal ini, kita harus beriman kepada nama-nama dan sifat-sifat Allah sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan RasulNya dengan tidak menyimpangkannya sedikitpun. Sekiranya seseorang itu berfikir dan berhujah tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah tetapi menyimpang daripada apa yang tetapkan oleh Allah dan RasulNya, ia mencerminkan seseorang itu bertindak demikian tanpa dasar ilmu. Sikap seperti ini dibenci oleh Allah sebagaimana Dia memberi peringatan menerusi firmanNya:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ أُوتْرِيقَ كَانَ عَنْهُ  
مَسْغُولًا

Maksudnya:

*“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”*

(Surah Al-Israa'; 17 : 36)

Keempat-empat aspek dalam mengenal Allah tersebut adalah satu kesatuan dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Kaedah tersebut telah dinyatakan di dalam Al-Qur'an dan di dalam As-Sunnah untuk dijadikan panduan serta pegangan oleh umat Islam.

## SOALAN 3

### DI MANA ALLAH?

#### JAWAPAN

Sesuatu yang tidak dapat dikesan oleh penglihatan zahir tidak bermakna ia tidak wujud. Contohnya, angin yang boleh menyebabkan manusia merasa nyaman tetapi bentuk fizikalnya tidak kelihatan. Begitu juga dengan perkara yang berkaitan dengan rasa seperti manis, masin, masam dan pahit. Semua rasa tersebut wujud dan boleh dirasa tetapi manusia tidak dapat melihatnya. Perumpamaan ini dapat dijadikan sandaran bagi menjelaskan tentang kewujudan Allah SWT. Sesungguhnya Allah itu wujud dan manusia boleh menikmati pemberianNya. Firman Allah SWT:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَرُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَرَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksudnya:

*“Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.”*

(Surah Al-An'aam; 6 : 103)

Di samping itu, kedudukan Allah tidak boleh disamakan dengan kedudukan di mana makhluk-makhluk ciptaanNya berada. Sebahagian berpendapat bahawa Allah berada di langit, di tempat yang tinggi yang dikenali sebagai Arasy. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

ءَمِنْتُ مَنْ فِي السَّمَاءِ أَنْ هَخِسَفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هَـ تَمُورُ ﴿١٦﴾ أَمْ أَمِنْتُ مَنْ  
فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرِسِّلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا فَسَعَاهُوْنَ كَيْفَ نَدِيرٍ

Maksudnya:

"Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang pusat pemerintahanNya di langit itu: Menunggangbalikkan bumi menimbas kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta (melenyapkan kamu di bawahnya)?"

"Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahanNya di langit itu: Menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaranKu?"

(Surah Al-Mulk; 67 : 16-17)

Banyak ayat Al-Qur'an dan Al-Hadis yang menyebut bahawa Allah berada di langit, di tempat yang tinggi dan di Arasy. Antaranya pengakuan Allah SWT mengenai kedudukanNya yang bersemayam di Arasy sebagaimana firmanNya:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ أَسْتَوَى

Maksudnya:

"Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy."

(Surah Taha; 20 : 5)

Firman Allah SWT:

إِنَّ رَبَّكُمْ أَلَّهُ الَّذِي خَلَقَ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ  
فِي سَتَةٍ أَيَّامٍ ثُمَّ آسَطَوْتِ عَلَى الْعَرْشِ

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang Menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy...”*

(Surah Al-A'raaf; 7 : 54)

Berhubung pendapat yang menyatakan bahawa Allah SWT itu berada di mana-mana, pandangan tersebut antara lainnya bersandarkan pada dalil berikut iaitu;

وَهُوَ مَعْلُومٌ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

*“...Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.”*

(Surah Al-Hadiid; 57 : 4)

Namun begitu, istilah “bersama-sama” di dalam ayat tersebut tidak bererti menunjukkan tempat seseorang berada. Dalam konteks ayat ini, kebersamaan Allah SWT adalah berbentuk muraqabah atau pengawasan. Hujah ini bersandarkan pada beberapa kisah yang diberitakan oleh Al-Qur'an iaitu;

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَّ آثَيْنِ إِذْ هُمَا فِي  
 الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

"Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang dia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika dia berkata kepada sahabatnya: Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita...""

(Surah At-Taubah; 9 : 40)

Firman Allah SWT:

Maksudnya:

قَالَ كَلَّا إِنَّ مَعِي رَبِّي سَيِّدِنِي

"Nabi Musa menjawab: Tidak! Jangan fikir (akan berlaku yang demikian)! Sesungguhnya aku sentiasa disertai oleh Tuhanku (dengan pemeliharaan dan pertolonganNya), Dia akan menunjuk jalan kepadaku."

(Surah Asy-Syu'ara'; 26 : 62)

Petikan ayat daripada Surah At-Taubah di atas merujuk pada kisah Rasulullah SAW berkata kepada Saidina Abu Bakar RA di dalam gua, "Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita.". Ini tidak bermaksud bahawa Allah SWT ikut masuk gua. Manakala petikan ayat ke-62, Surah As-Syu'araa tersebut pula berkaitan kisah Nabi Musa AS yang melafazkan, "...aku sentiasa disertai oleh Tuhanku", tidak bererti Allah SWT ada bersama Nabi Musa AS di pinggir Laut Merah saat itu.

## SOALAN 4

### KENAPA TUHAN MENCIPTA SESUATU?

#### JAWAPAN

Allah SWT berfirman:

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَى كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ ثُمَّ هَدَى

Maksudnya:

*“...Tuhan kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu: Kejadian semula jadinya yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberi petunjuk kepadanya akan cara menggunakannya.”*

(Surah Taha; 20 : 50)

Ayat tersebut memberi ruang kepada manusia untuk meneliti segala bentuk ciptaan mulai dari manusia sehingga binatang-binatang daratan dan lautan serta burung-burung yang menjadi dalil pada kekuasaan Ilahi. Malah, segala bentuk ciptaan setiap benda tampak sesuai dengan keadaannya.

Allah menjadikan alam seluas-luasnya. Kejadian alam adalah antara kejadian yang dapat membantu manusia berfikir dan mengetahui kebesaranNya. Allah melengkap dan melimpahkan pelbagai nikmat serta rahmat terhadap alam ini.

Setiap kejadian yang Allah ciptakan mengandungi hikmah yang luar biasa serta tidak terbanding dan besar manfaatnya kepada manusia mahupun hidupan lain.

Hakikatnya, apa yang mampu dikaji serta diteliti dan dinikmati oleh manusia masih sedikit. Bayangkan alam yang terlalu luas dengan rahsia yang belum diteroka oleh manusia

tentunya mengandungi hikmah yang amat menakjubkan. Allah menurunkan Al-Qur'an supaya manusia mendapat pertunjuk dan pedoman bagaimana memahami benda yang nyata dan benda yang ghaib serta bagaimana manusia dapat berfikir tentang sesuatu di sekitarnya dan menghubungkannya dengan Pencipta.

Al-Qur'an sebagai sebuah kitab yang lengkap turut menyentuh mengenai alam sains. Terdapat hampir 200 ayat di dalam Al-Qur'an yang berkaitan dengan sains. Antaranya termasuklah mengenai:

- Kejadian langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, air hujan yang turun menghidupkan tumbuh-tumbuhan, peredaran angin dan awan yang tunduk terapung-apung antara langit dan bumi dan sebagainya. Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ الَّيلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلُكِ الَّتِي تَجَرِي فِي  
الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ  
مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَنَصْرِيفِ الْرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ  
وَالْأَرْضِ لَا يَعْلَمُ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda

(yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 164)

- ii. Kejadian siang dan malam serta matahari dan bulan. Setiap satunya beredar secara teratur di tempat edaran masing-masing (angkasa lepas) serta tanpa perlanggaran. Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الْلَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Maksudnya:

"Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas)."

(Surah Al-Anbiyaa'; 21 : 33)

- iii. Kejadian langit yang dilengkapi dengan sistem orbit.

Firman Allah SWT:

وَالسَّمَااءِ ذَاتِ الْجُبُرِ

Maksudnya:

"Demi langit yang mempunyai jalan-jalan yang berbagai bentuk keadaannya."

(Surah Adz-Dzaariyaat; 51 : 7)

- iv. Kejadian manusia dari alam roh, alam rahim sehingga lahir ke dunia.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثَ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ  
ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُّخَالَقَةٍ وَغَيْرِ مُخَالَقَةٍ لِنَبِيِّنَ لَكُمْ وَتُقْرَبُ فِي الْأَرْحَامِ مَا  
نَشَاءُ إِلَى أَجْلٍ مُسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفَلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَسْدَكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ  
يُنَوَّفُ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلًا يَعْلَمُ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْعًا  
وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ آهَرَتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ

رُّوحٌ بَهِيجٌ

Maksudnya:

"Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (*ragu-ragu*) tentang kebangkitan makhluk (*hidup semula pada hari kiamat*), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya

dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai."

(Surah Al-Hajj; 22 : 5)

Allah SWT menjadikan manusia untuk beribadah dan mentaatiNya. Allah SWT juga telah menetapkan bahawa manusia dipertanggungjawabkan untuk menjalankan peranan khalifah di muka bumi ini. Justeru, segala ciptaanNya di alam semesta ini adalah untuk kegunaan manusia dan sebagai khalifah di muka bumi, manusia bertanggungjawab untuk mentadbirnya sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَيْحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 30)

Firman Allah SWT:

وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَّكَهَا ﴿١﴾ وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَنَهَا ﴿٢﴾ أَخْرَجَ  
مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرَّعَنَهَا ﴿٣﴾ وَالْجِبَالَ أَرْسَنَهَا ﴿٤﴾ مَتَّعَنَا لَكُمْ وَلَا تَنْعِمُ كُمْ

Maksudnya:

*"(Wahai golongan yang ingkarkan kebangkitan hidup semula!) Kamukah yang sukar diciptakan atau langit? Tuhan telah membinanya (dengan kukuh)! Dia telah meninggikan bangunan langit itu lalu menyempurnakannya. Dan Dia menjadikan malamnya gelap-gelita, serta menjadikan siangnya terang-benderang. Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya). Dia mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya. Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya (di bumi, sebagai pancang pasak yang menetapnya). (Semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu."*

(Surah An-Naazi'aat; 79 : 29-33)

## SOALAN 5

**MENGAPAKAH MASIH WUJUD KEJAHATAN, PERMUSUHAN, KETIDAKADILAN DAN BENCANA SEKIRANYA ALLAH ITU PENGASIH, PENYAYANG DAN ADIL?**

## JAWAPAN

Kehidupan di dunia ini adalah bersifat sementara manakala kehidupan akhirat pula adalah kekal abadi. Kehidupan di dunia

umpama satu tempat persinggahan bagi seorang pengembara yang akan berhadapan dengan pelbagai bentuk ujian. Menurut perspektif Islam, ujian tidak semestinya dalam bentuk musibah, kesusahan dan kesengsaraan malah ia juga berupa nikmat seperti ilmu, kesihatan, kedudukan dan kekayaan. Dalam konteks ini, Islam menganjurkan umatnya supaya bijak mengurus kedua-dua bentuk ujian tersebut kerana sekiranya gagal menguruskannya boleh menjerumuskan mereka pada kemudaratan dan kebinasaan.

Manusia juga secara fitrahnya adalah bersih dan cenderung pada perkara-perkara kebaikan. Manusia sebagai makhluk yang dilengkapkan oleh Allah SWT dengan akal dan nafsu perlu memastikan kedua-duanya dipandu oleh iman. Akal dan nafsu yang terlepas daripada iman akan mendorong manusia melakukan kerosakan, kesesatan dan kemaksiatan. Realiti menunjukkan bahawa segala kerosakan, kesesatan dan kemaksiatan tersebut adalah disebabkan perbuatan manusia itu sendiri. Manusia sendiri memilih untuk mewujudkan keadaan sedemikian. Namun begitu, sifat manusia yang mudah lupa dan sebahagiannya bersikap melampaui batas, akhirnya menunding jari bukan sahaja kepada orang lain malah menyalahkan Tuhan di atas kemudaratan yang berpunca daripada perbuatan mereka sendiri. Allah SWT telah menegaskan permasalahan ini menerusi firmanNya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُتْ أَيْدِيُ النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي  
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرَجِعُونَ

Maksudnya:

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

(Surah Ar-Ruum; 30 : 41)

Namun begitu, Allah Maha Mengetahui kesudahan kehidupan hamba-hambaNya yang termaktub sebagai takdir. Berbeza dengan manusia, Allah SWT tidak terikat dengan ruang dan masa. Takdir manusia sudah tertulis sejak mula kejadian seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

*“Sesungguhnya setiap dari kamu yang mula terbentuk jasadnya dalam perut ibunya selama 40 hari maka kemudian akan menjadi segumpal darah dan kemudian menjadi pula ketulan daging lalu Allah mengutuskan padanya malaikat untuk meniupkan pada jasad itu akan ruh dan menulis empat perkara, iaitu rezekinya, ajalnya, amalannya dan pengakhirannya apakah bahagia atau celaka dan demi zat yang tiada yang berhak disembah selainNya. Sesungguhnya sekiranya sekalipun ada dalam kalangan kamu beramal dengan amalan ahli syurga sehingga seolah-olah antara dia dan syurga itu cuma sejengkal. Namun, apabila sudah tertulis bahawa dia dalam kalangan ahli neraka maka nescaya dia selepas itu akan beramal dengan amalan ahli neraka lalu masuk ke dalamnya dan tidaklah seorang itu melainkan beramal dengan amalan ahli neraka sehingga antara dirinya dengan neraka cuma sejengkal. Namun, apabila sudah tertulis dirinya sebagai ahli syurga maka dia kemudiannya akan beramal dengan amalan ahli syurga lalu masuk ke dalamnya.”*

(Hadith Riwayat Bukhari, Muslim dan Ahmad)

Ini tidak bermaksud penetapan Allah mendahului perbuatan hambaNya, sebaliknya pengetahuan Allah mendahului manusia. Jika pilihan berbuat baik dan berbuat kerosakan itu adalah ketetapan Allah secara mutlak, untuk apa manusia diciptakan? Bagaimana dengan peranan wahyu yang menyuruh pada kebaikan dan menolak keburukan? Bagaimana pula untuk meletak nilai syurga dan neraka?

Maka, perancangan dan penetapan oleh Allah SWT dengan memberi manusia pelbagai ujian adalah bertujuan memberi

peluang kepada manusia berlumba-lumba membuat kebaikan sesuai dengan potensi manusia untuk bersifat dinamik dan memperkuatkan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Masyarakat atau dunia tidak akan berkembang sekiranya kehidupan manusia tidak dihiasi dengan pelbagai ragam ujian.


Sekiranya manusia melihat sesuatu ujian itu dari sudut negatif, maka tentu sahaja hidup ini akan menjadi sengsara dan penuh dengan penderitaan. Sebaliknya, sekiranya manusia melihat dari sudut positif, secara tidak langsung ia meletakkan seseorang itu bersikap sabar, reda, bersyukur dan tidak melepaskan pergantungan kepada Allah terhadap apa yang berlaku. Kesan daripada sikap positif ini, secara fisiologinya minda manusia akan kekal positif dan mendorong manusia mencari jalan penyelesaian atau pengukuhan untuk mengatasi sesuatu masalah mahupun memanfaatkan ujian yang berbentuk nikmat yang diterimanya. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya:

“...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”

(Surah Ar-Ra'd; 13 : 11)



## SOALAN 6

**BOLEHKAH KEWUJUDAN TUHAN (ALLAH) ITU DIBUKTIKAN?**

## JAWAPAN

Sandaran paling kukuh mengenai kewujudan Allah adalah dengan memerhati dan meneliti segala kejadian di muka bumi ini yang penuh dengan keajaiban, keunikan dan keindahan sebagaimana firmanNya:

وَلِمَن سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ

Maksudnya:

*“Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: ‘Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?’ Sudah tentu mereka akan menjawab: ‘Allah’.”*

(Surah Luqman; 31 : 25)

Firman Allah SWT:

وَأَغْطَشَ لَيْلَاهَا وَأَخْرَجَ صُحْبَهَا ﴿٢﴾ وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَنَهَا ﴿٣﴾ أَخْرَجَ مِنْهَا  
مَاءَهَا وَمَرَّعَنَهَا ﴿٤﴾ وَأَجْبَانَ أَرْسَنَهَا ﴿٥﴾ مَتَّعًا لَكُمْ وَلَا تَنْعَدِمُكُمْ

Maksudnya:

*“(Wahai golongan yang ingkarkan kebangkitan hidup semula!) Kamukah yang sukar diciptakan atau langit? Tuhan telah membinanya (dengan kukuh)! Dia telah meninggikan bangunan*

langit itu lalu menyempurnakannya. Dan Dia menjadikan malamnya gelap-gelita, serta menjadikan siangnya terang-benderang. Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya). Dia mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya. Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya (di bumi, sebagai pancang pasak yang menetapnya). (Semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.”

(Surah An-Naazi'aat; 79 : 29-33)

Manusia mempunyai kemampuan yang terbatas khususnya untuk menembusi perkara-perkara ghaib yang tidak tercapai oleh akal manusia. Manusia dan mana-mana makhluk yang hidup tidak dapat melihat Allah tetapi memberitahu manusia bahwa kejadian-kejadian di alam ini adalah bukti kewujudanNya dan menunjukkan sifat-sifatNya yang Maha Besar, Maha Pencipta, Maha Sempurna dan sebagainya.

Firman Allah SWT:

ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ وَكِيلٌ لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَرُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَرَ وَهُوَ أَلَّطِيفُ  
الْخَبِيرُ

Maksudnya:

“Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepadaNya dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya. Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala

*penglihatan (mata) dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.”*

(Surah Al-An'aam; 6 : 102-103)

Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa meyakini kewujudan Allah perlulah diasaskan dengan iman dan akidah yang yakin. Hal ini disebabkan keterbatasan manusia untuk menerobos hakikat kewujudan Allah dalam kerangka akal pemikiran yang terbatas kekuatannya. Pemikiran manusia tidak mempunyai kemampuan untuk menembus alam ghaib (metafizik). Alam ghaib berbeza dengan alam yang nyata ini.

Kisah Nabi Musa AS sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Qur'an dapat dijadikan iktibar untuk memahami keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمْهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِّي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ تَرَنِي  
وَلِكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِّي آسْتَقْرُ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَنِي فَلَمَّا تَجَلَّى رَبُّهُ لِلْجَبَلِ  
جَعَلَهُ دَكَّاً وَخَرَّ مُوسَى صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَنَكَ تُبَتُّ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ  
**الْمُؤْمِنِينَ**

Maksudnya:

“Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu dan Tuhananya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: ‘Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (ZatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu.’ Allah SWT berfirman: ‘Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau dia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu.’

Setelah TuhanNya "Tajalla" (menzahirkan kebesaranNya) kepada gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah dia sedar semula, berkatalah dia: 'Maha Suci Engkau (wahai TuhanKu), aku bertaubat kepadaMu dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)'."


(Surah Al-A'raaf; 7 : 143)

Kewujudan Allah adalah satu hakikat dan tidak seharusnya dipersoalkan. Segala yang wujud dalam lingkungan alam semesta ini dapat dijadikan bukti tentang kewujudan Allah SWT. Malah, jika berdasarkan pada hukum akal, benda-benda dan kejadian yang wujud dalam alam semesta ini tentu sahaja mempunyai pencipta dan pengaturnya.Firman Allah SWT:

وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يُبْثُتُ مِنْ دَآبَّةٍ إِذَا يَأْتِي لِقَوْمٍ بُوْقُنُونَ ﴿٤١﴾ وَأَخْتَلَفُ الْلَّيلُ وَالنَّهَارُ  
وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفُ الْرِّيحِ  
إِذَا يَأْتِي لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

"Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkanNya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakininya. Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Dia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran."

(Surah Al-Jaathiyah; 45 : 4-5)



Sesungguhnya kejadian alam yang antara lain terciptanya matahari, bulan, bintang, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya serta susun atur dan perjalannya yang sempurna lagi seimbang merupakan tanda dan bukti perihal wujudnya Allah.

## SOALAN 7

### JIKA TUHAN HANYA SATU, MENGAPA BANYAK AGAMA YANG WUJUD?

## JAWAPAN

Islam adalah agama yang mengajarkan konsep tauhid iaitu mengesakan Allah SWT. Al-Qur'an secara jelas menegaskan konsep tauhid ini berdasarkan pada beberapa firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ إِلَهُ الْصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ كُفُواً أَحَدٌ

Maksudnya:

"Katakanlah: "Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia".

(Surah Al-Ikhlas; 112 : 1-4 )

Firman Allah SWT:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يُعُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Maksudnya:

"Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang Mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 255)

Malah, selain daripada Al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, konsep tauhid ini turut ditegaskan di dalam kitab-kitab suci terdahulu yang menjadi sebahagian daripada Rukun Iman yang wajib diimani oleh umat Islam iaitu:

- i. Kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa AS
- ii. Kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud AS

### iii. Kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa AS

Merujuk pada persoalan banyaknya agama di dunia, ini adalah kerana sebahagian daripada fitrah manusia itu adalah memiliki perasaan beragama dan mencari kebenaran. Agama dianggap sebagai satu peraturan dan panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Bayangkan bagaimana dengan kehidupan dan dunia ini jika manusia hidup tanpa peraturan dan panduan. Tentu sahaja wujud pergolakan, persengketaan, penindasan, kezaliman, kacau bilau dan ketidakamanan yang tidak terkawal.

Islam mengakui kewujudan agama-agama lain. Namun, ia tidaklah bermakna Islam mengakui kebenaran agama-agama tersebut. Mengakui kewujudannya dan kebenarannya adalah dua perkara yang berbeza. Islam adalah agama wahyu yang datang daripada Allah. Agama-agama lain yang wujud di dunia ini dapatlah diibaratkan sebagai sungai-sungai, berbeza hulunya tetapi sama muaranya iaitu laut. Ajaran yang benar daripada Tuhan adalah umpama sungai yang mengalir ke muara yang sama. Namun begitu, ajaran-ajaran yang sesat dan direka oleh manusia tidak akan sampai ke destinasi yang hakiki iaitu keredaan Tuhan. Allah SWT sendiri telah memperakukan bahawa hanya Islam agama yang benar. Dalil-dalil berikut membuktikan kebenaran Islam dan diiktiraf oleh Allah SWT:

**إِنَّ الْمُرْسَلَاتِ عِنْدَ اللَّهِ أَئِلَّا سَلَامٌ**

Maksudnya:

*“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam...”*

(Surah Ali ‘Imraan; 3 : 19)

Firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبَ يَدِينِي إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَ لِكُمُ الَّذِينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَشْتُرُ مُسْلِمُونَ

Maksudnya:

*"Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: 'Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam'."*

(Surah Al-Baqarah; 2 : 132)

Firman Allah SWT:


وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya:

*"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."*

(Surah Ali 'Imraan; 3 : 85)

Secara umumnya, tidak dinafikan bahawa setiap pengikut mana-mana agama berbangga dan akan mempertahankan agama mereka serta menolak kepercayaan-kepercayaan lain. Hal ini dikenali sebagai sikap eksklusif dalam kehidupan beragama. Namun, apa yang lebih membimbangkan adalah apabila seseorang itu mengambil pendirian inklusif dalam kehidupan beragama. Sikap inklusif dalam beragama ini dipengaruhi oleh fahaman liberalisme iaitu bersikap terbuka terhadap semua agama sehingga



tiada tembok pemisah antara agama. Ini adalah kerana fahaman liberal menganggap “semua agama adalah sama”, “semua agama mengajar manusia perkara kebaikan” dan “semua agama berasal dari Tuhan yang Satu”. Fahaman tersebut diperjuangkan dengan alasan berpegang pada prinsip perpaduan kaum, kesatuan umat-umat beragama dan sebagainya.

Dalam konteks ini, golongan agnostik pula bersikap tidak peduli dalam hal beragama. Sebahagian daripada golongan ini dipengaruhi oleh fahaman materialisme. Golongan agnostik yang ekstrem boleh membawa mereka pada pemikiran ateis iaitu tidak mempercayai kewujudan Tuhan manakala golongan yang kurang ekstrem pula cenderung pada pendirian bebas agama ataupun *free thinker*.

Islam sebagai sebuah agama wahyu tentu sahaja ia bersifat eksklusif. Namun begitu, Islam menganjur manusia supaya mengkaji, meneliti, menganalisis dan menilai kebenaran Islam secara keseluruhannya dan mencakupi semua aspek. Akhirnya, manusia tetap akan menemui kebenaran Islam kerana ia adalah agama Allah dan bukannya agama ciptaan manusia.

## SOALAN 8

### APAKAH BENAR AL-QUR’AN ITU DATANG DARIPADA ALLAH?

## JAWAPAN

Al-Qur'an adalah wahyu atau kalam Allah yang bermukjizat dan diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril dalam bahasa Arab secara mutawatir.

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang tiada tolak bandingnya dengan mana-mana perkataan atau karangan manusia. Kewujudan Al-Qur'an di tengah-tengah masyarakat Arab Jahiliyah yang terkenal dengan ketinggian seni bahasa dan kesusasteraan dikalahkan oleh ketinggian ilmu, mukjizat dan segala keistimewaan yang terkandung di dalam Al-Qur'an. Mukjizat berkenaan telah mencabar bangsa Arab pada zaman itu untuk membawa atau mencipta sebagaimana Al-Qur'an sebanyak sepuluh surah kemudian satu surah, namun semuanya tidak mampu menandingi kehebatan kalam Allah ini sebagaimana firman Allah SWT:

أَمْ يَقُولُونَ أَفَتَرَنَا قُلْ فَأَتُوا بِعَشْرِ سُورٍ مِثْلِهِ مُفْتَرِيَنِ وَأَدْعُوا مِنْ آسْتَطَعْتُمْ  
مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya:

*"Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: Ia (Muhammad) yang mereka-reka Al-Qur'an itu!. Katakanlah (wahai Muhammad): (Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan Al-Qur'an itu dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar."*

(Surah Hud; 11 : 13)

Seterusnya Allah menegaskan hal ini menerusi firmanNya:

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْءَانُ أَنْ يُفَتَّرَى مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ  
وَتَفَصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣﴾ أَمْ يَقُولُونَ أَفَتَرَنَا قُلْ فَأَتُوا  
بِسُورَةٍ مِثْلِهِ وَأَدْعُوا مِنْ آسْتَطَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya:

*“Dan bukanlah Al-Qur'an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain daripada Allah; tetapi Al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada Al-Qur'an itu tentang datangnya daripada Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.”*

*“(Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: Dialah (Muhammad) yang mengadak-an Al-Qur'an menurut rekaannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Qur'an itu dan panggilah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!”*

(Surah Yunus; 10 : 37-38)

Berhubung dakwaan bangsa Arab pada ketika itu bahawa Al-Qu'ran itu adalah rekaan Nabi Muhammad SAW, ia dengan sendirinya tertolak kerana:

- i. Nabi Muhammad SAW sendiri adalah berketurunan Arab. Dalil yang dinyatakan sebelum ini menunjukkan bahawa seluruh bangsa Arab tidak mampu menghasilkan karya yang setanding dengan Al-Qur'an. Inikan pula Nabi Muhammad SAW yang sebangsa dengan mereka dan merupakan seorang yang buta huruf tentu sahaja tidak mampu menghasilkan karya seagung dan seindah Al-Qur'an.
- ii. Hadis-hadis Nabi Muhammad SAW jika dibandingkan dengan Al-Qur'an dari segi gaya bahasa dan seni kesusateraananya langsung tidak menunjukkan persamaan mahupun kemiripan. Padahal Nabi Muhammad SAW di

samping selalu membacakan setiap wahyu atau ayat-ayat yang diterimanya daripada Allah SWT, dalam waktu yang sama Baginda mengeluarkan hadis. Namun, ternyata keduaduanya tetap berbeza dari segi gaya dan seni bahasanya.

Terdapat beberapa bukti yang menjadi dalil atau hujah bahawa Al-Qur'an itu datang daripada Allah SWT. Antaranya termasuklah:

### i. Asal permulaan alam semesta

Al Qur'an mendahului penemuan ilmu moden mengenai asal mula alam semesta ini. Golongan ilmuwan moden menerusi teori mereka yang dikenali sebagai 'Big Bang' mendakwa bahawa keseluruhan alam semesta termasuk dimensi materi dan waktu, wujud hasil daripada suatu ledakan yang pantas dan ia berlaku sekitar 1500 tahun yang lalu. Menurut mereka, alam semesta ini yang asalnya tiada tercipta adalah kesan daripada ledakan satu titik tunggal. Hakikatnya, penemuan ini telah diceritakan oleh Al-Qur'an sejak 1,400 tahun yang lalu menerusi Surah Al-Anbiyyaa', ayat 30:

أَوْلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا  
مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٌّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

*"Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?"*

(Surah Al-Anbiyyaa'; 21 : 30)

## ii. Fasa yang dilalui bayi dalam alam rahim

Menurut saintis barat, kehidupan bayi di dalam alam rahim melalui tiga fasa iaitu:

- ❖ Fasa pertama (dua setengah minggu pertama) : Pra-embrional
- ❖ Fasa kedua (sehingga akhir minggu kelapan) : Embrional
- ❖ Fasa ketiga (dari minggu ke lapan sehingga hari kelahiran) : Janin

Al-Qur'an telah menjelaskan tentang fasa perkembangan bayi di dalam rahim tersebut menerusi ayat berikut:

حَلَقُكُمْ مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِّنَ الْأَنْعَمِ ثَمَنِيَةً  
 أَزْوَاجٍ حَلَقُكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهِتِكُمْ حَلْقًا مِّنْ بَعْدِ حَلْقٍ فِي ظُلْمَتِ ثَلَثَتِ دَالِكُمْ  
 اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَإِنَّ فَانٍ تُصَرَّفُونَ

Maksudnya:

*"Dia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita. Yang demikian (kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu; bagiNyalah kekuasaan yang mutlak; tiada Tuhan melainkan Dia; oleh itu bagaimana kamu dapat dipesongkan (dari mematuhi perintahNya)?*

(Surah Az-Zumar; 39 : 6)

### iii. Dua buah lautan yang bertemu tetapi tidak bercampur

Kejadian ini berlaku di antara Laut Tengah dengan Lautan Atlantik. Laut Tengah memasuki Lautan Atlantik melalui Selat Gibraltar. Kedua-dua lautan ini mempunyai gelombang yang besar dan arus yang kuat. Namun begitu, suhu, kadar garam dan kerapatan air kedua-dua lautan tersebut tidak berubah kerana adanya penghalang yang memisahkan keduanya. Ahli pelayaran menyifatkan kejadian lautan yang saling bertemu tetapi tidak bercampur antara satu sama lain tersebut disebabkan wujudnya tegangan permukaan. Hakikatnya, kejadian ini telah disebut di dalam Al-Qur'an menerusi Surah Ar-Rahmaan, ayat 19-20:

مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾ بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَعْ�ِيَانِ

Maksudnya:

*"Dia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu."*

*"Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya."*

(Surah Ar-Rahmaan; 55 : 19-20)

### iv. Janji dan jaminan daripada Allah SWT

#### a. Kemenangan Islam

Al-Qur'an telah menghabarkan kemenangan yang akan dicapai oleh umat Islam walaupun pada masa diturunkan ayat mengenai perkhabaran ini, umat Islam berada pada tahap yang masih lemah kerana Nabi Muhammad SAW sendiri menerima pelbagai tekanan begitu juga dengan kaum

Muslimin yang sentiasa disakiti oleh puak Musyrikin. Sejarah kemenangan dakwah Nabi Muhammad SAW dan tersebarnya ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia menterjemahkan janji Allah SWT menerusi firmanNya:

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِعُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَن يُتَمَّمَ نُورُهُ وَلَوْ  
**كَرَهَ الْكَافِرُونَ** ﴿٢٩﴾ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ  
 لِيُظَهِّرُهُ عَلَى الْكِبِيرِينَ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Maksudnya:

*"Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)."*

*"Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya."*

(Surah At-Taubah; 9 : 32-33)

b. Perlindungan dan keselamatan untuk Nabi Muhammad SAW

Allah SWT turut memberi jaminan perlindungan dan keselamatan untuk Nabi Muhammad SAW daripada terbunuh dan terpelihara daripada tangan-tangan manusia yang berniat jahat sepermata firman Allah SWT:

يَتَأَيَّمُهَا الرَّسُولُ بَلَّغَ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنَّ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغَتْ  
 رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya:

*"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahanatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir."*

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 67)

c. Pemeliharaan Al-Qur'an


Allah SWT juga menjamin bahawa Al-Qur'an akan terpelihara yang mana tidak ada suatu kekuatan pun yang mampu menghapuskannya dari muka bumi ini. Justeru, selepas 1400 tahun, keaslian Al-Qur'an terus terpelihara sehingga ke hari ini tanpa sebarang pindaan mahupun tokok tambah. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT Surah Al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Qur'an dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya."*

(Surah Al-Hijr; 15 : 9)



---

## BAB 4

# KES-KES AGNOSTIK DI MALAYSIA

---

### MUKADIMAH


Bab ini akan memaparkan beberapa kes dan pengalaman individu Islam (watak menggunakan nama samaran) yang terpengaruh dan mengambil pendirian untuk berpegang pada fahaman agnostik. Kes dan pengalaman individu-individu berkenaan secara tidak langsung mencerminkan realiti bahawa umat Islam di negara ini tidak terkecuali daripada berhadapan dengan cabaran, serangan serta pengaruh pemikiran dan fahaman yang menjerumuskan mereka pada penyimpangan akidah.

Paparan kes-kes yang berlaku dalam masyarakat kita ini menunjukkan betapa kritikal dan pentingnya untuk seluruh lapisan umat Islam membuka mata, hati dan dan bersikap peka terhadap apa jua perkembangan yang berlaku di sekeliling kehidupan masing-masing. Kepekaan ini membolehkan kita dapat mengesan penularannya sebagai langkah berhati-hati sama ada untuk diri sendiri mahupun ahli keluarga dan saudara seagama agar tidak terpengaruh dengan fahaman agnostik yang semakin menular dan mampu menyimpang akidah kerana sesungguhnya mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

# KES 1

Tiada siapa menyangka gadis manis yang bertudung litup ini yang layak bergelar seorang Muslimah rupa-rupanya adalah pengikut fahaman agnostik. Menurut Ika, tiada seorang pun daripada ahli keluarganya yang tahu bahawa beliau seorang agnostik. Ibu bapanya kuat berpegang pada ajaran Islam dan memastikan anak-anak mereka menerima pendidikan Islam secukupnya. Tidak hairanlah semua adik beradik Ika termasuk dirinya menerima pendidikan agama di peringkat sekolah rendah dan menengah. Malah, abang dan kakak Ika adalah graduan Universiti Al-Azhar. Manakala dua orang adik Ika pula masih lagi di bangku sekolah. Ika sendiri memilih melanjutkan pengajian di universiti tempatan dalam bidang bahasa.

Ika seorang yang aktif di kampus. Beliau aktif menyertai aktiviti-aktiviti masyarakat sama ada di peringkat universiti, negara mahupun antarabangsa. Ika tidak pernah melepaskan peluang untuk menyertai program pertukaran pelajar antara universiti pengajiannya dengan universiti-universiti di luar negara. Sifat peramah dan mudah mesra banyak membantu Ika untuk mudah menyesuaikan diri bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai latar belakang agama, bangsa, budaya dan negara yang berbeza. Ika juga amat berminat terhadap budaya dan pemikiran asing. Justeru, beliau amat aktif dalam forum siber apabila berbincang mengenai budaya, pemikiran, ideologi dan sebagainya. Rakan-rakan forum siber Ika bukan sahaja terdiri daripada penuntut universiti tetapi juga para pensyarah dan golongan profesional daripada pelbagai bidang. Pengalaman bertukar-tukar fikiran ini sedikit sebanyak telah menyuntik dimensi pemikiran yang berbeza dalam diri Ika. Fikirannya mula terdetik sekiranya beliau dan rakan-rakan forumnya dapat bertukar-tukar pandangan secara sihat dan harmoni, mengapa



permusuhan dan kebencian masih lagi wujud bukan sahaja antara penganut agama yang berbeza tetapi juga perpecahan dalam penganut agama yang sama. Ika tertanya-tanya di mana silapnya sehingga agama nampak seperti gagal mendidik penganutnya.

Bermula pada saat itu Ika kurang meyakini fungsi agama dalam kehidupan manusia. Ika menganggap kemosyikan dan kekeliruannya terjawab sewaktu beliau berkhidmat di salah sebuah universiti di Indonesia. Ketika berkhidmat di universiti tersebut, Ika agak terkejut kerana terdapat segelintir rakan sejawatannya adalah Muslim pada kertas tetapi berpendirian agnostik. Rakan-rakan inilah yang kebanyakannya pada asalnya adalah berfahaman liberal menjelaskan kepada Ika mengenai konsep kebenaran dan kedamaian menurut perspektif agnostik. Ika merasakan hujah rakan-rakannya tersebut ada kebenarannya iaitu manusia tidak akan menemukan jawapan untuk menghuraikan sesuatu yang ghaib lagi tertinggi di sebalik kejadian alam ini. Sebagaimana alam, manusia menjalani kehidupan mengikut seadanya. Tidak perlu dibimbangkan tentang pembalasan akhirat termasuk perihal pahala, dosa, syurga dan neraka kerana manusia diberi kemampuan untuk membezakan kebaikan dan keburukan. Namun begitu, Ika masih mempercayai kewujudan Tuhan tetapi berdasarkan pada pemahaman logika serta gerak nalurinya dan bukan dalam mana-mana fahaman agama.


Perubahan dimensi pemikiran Ika membuatkan beliau lebih selesa bergaul dengan golongan bukan Islam sekembalinya Ika ke Malaysia setelah kontrak perkhidmatannya di universiti tersebut tamat. Keluarga Ika masih belum dapat mengesan perubahan Ika kerana beliau masih mengekalkan identiti Muslimahnya termasuk berpura-pura melakukan solat, puasa dan sebagainya. Menurut Ika, beliau sememangnya berharap perubahan beliau biar kekal rahsia daripada pengetahuan keluarganya kerana tidak sanggup melihat mereka kecewa dan pada masa yang sama Ika merasakan pegangannya kini lebih meyakin dan menenangkannya.

## KES 2

Danish menyatakan beliau menjadi pengikut fahaman agnostik ateis sejak tahun 2010. Beliau juga telah bertekad untuk tidak berpegang pada mana-mana agama sehingga akhir hayatnya. Danish dilahir dan dibesarkan dalam sebuah keluarga Islam. Semenjak sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah, Danish mendapat pendidikan sekolah agama di Selangor. Malah, Danish seorang yang patuh pada suruhan agama. Sebagai Muslim yang beriman kepada Allah, beliau mendirikan solat, menunaikan puasa, membayar zakat harta dan melaksanakan segala perintah yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam.

Dalam pada itu, Danish berminat mengkaji semua agama, terutama agama wahyu. Danish menganggap Kristian adalah satu agama yang kurang logik kerana banyak mengamalkan konsep 'misteri' dan magik-magik yang tidak masuk akal. Beliau juga mengkritik agama Yahudi yang bersifat elitis. Di samping itu, Danish mengecam agama-agama seperti Buddhisme dan Hinduisme sebagai ciptaan manusia.

Danish turut menelusuri sejarah pengamalan agama sejak beribu-ribu tahun dahulu termasuk, sebelum kedatangan Islam dan Kristian malah sehingga ke Buddha. Berdasarkan pada penelitiannya tersebut, Danish berpandangan bahawa tindak tanduk beragama oleh manusia adalah berdasarkan kesukaran mereka memahami kehidupan itu sendiri. Manusia melalui agama membuat pelbagai andaian seperti bagaimana alam semesta direka dalam masa enam hari (Kristianiti) atau tujuh hari (Islam), Tuhan membuat itu dan ini, menjadikan manusia, mempunyai malaikat dan sebagainya. Menurut Danish, semua andaian tersebut sekadar



untuk memberi makna kepada kehidupan mereka.

Danish menyatakan bahawa beliau dahulunya seorang penggemar ayat-ayat Al-Qur'an kerana keindahan bahasa dan kandungannya. Namun begitu, selepas beliau membaca *Bible*, ajaran Buddha atau puisi-puisi karya agung, Danish menganggap semuanya memberi kesan yang sama. Semua kitab baginya seperti ayat-ayat puisi yang bertujuan menambat jiwa manusia sehingga mereka percaya pada benda yang bukan-bukan seperti Tuhan dan sebagainya.

Danish juga berpandangan bahawa semua agama menggunakan pelbagai kaedah menakutkan manusia. Ini termasuklah perihal dosa, siksa kubur dan hari pembalasan, karma dan sebagainya. Menurutnya lagi, agama membebankan manusia. Contohnya, sewaktu beliau berpegang pada Islam, beliau terpaksa menghabiskan masa beratus jam dalam hidupnya untuk mendirikan solat, beribu ringgit untuk membayar zakat serta perlu berlapar selama sebulan kerana menunaikan ibadat puasa.


Danish meyakini bahawa tamadun sebenar adalah zaman sebelum Kristian dan Islam di mana manusia ketika itu berpendirian, lakukan seperti apa yang kamu mahu dilakukan' tanpa terikat dengan Tuhan dan agama.

## KES 3

Fahaman agnostik turut menular dalam kalangan golongan seni. Menurut sumber yang rapat dengan kelompok sebuah kumpulan seni, individu-individu yang tertarik untuk berpegang pada fahaman tersebut asalnya berfikiran bebas dan liberal. Malah, kumpulan seni yang beroperasi di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur mendapat tajaan daripada beberapa organisasi di dalam dan di luar negara. Antara matlamat serta sasaran mereka adalah untuk mempengaruhi pemikiran golongan muda termasuk golongan mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta supaya memperjuangkan pemikiran liberal dan kebebasan. Maka, tidak hairanlah karya-karya yang dihasil atau dipentaskan bertemakan kebebasan individu, agama, gender, amalan hidup, seksualiti dan sebagainya begitu aktif dihasilkan. Di samping itu, golongan ini secara terbuka mempersendakan agama seperti merendah-rendahkan ibadat solat dan mengamalkan hidup bersekedudukan secara bebas.

Pengaruh kumpulan ini semakin meluas kerana mereka turut mempunyai rangkaian antarabangsa dan sering menganjurkan secara bersama pelbagai program. Kebanyakan program adalah berbentuk seni dan hiburan bagi menambat golongan muda manakala program bersifat pemikiran dan akademik pula menyasarkan golongan profesional serta akademia.

Golongan ini aktif memperjuangkan kebebasan beragama ini menerusi blog serta karya seni seperti muzik, filem dan persembahan teater. Kumpulan seni ini juga bersifat provokatif terhadap masyarakat Islam negara ini. Mereka semakin berani menghasilkan karya seni dan penulisan (buku, artikel dan puisi) yang secara terang-terangan inti pati atau mesejnya bertentangan



dengan nilai-nilai Islam dan adat ketimuran. Di samping itu, aktivis atau pengikut kumpulan seni berkenaan berusaha menonjolkan imej yang berbeza dan tampak seperti seorang pemikir dan intelektual. Mereka menyanjung pemikiran dan karya beberapa tokoh falsafah barat seperti Friedrich Nietzsche, Soren Kierkegaard, Lord Byron dan Karl Marx yg terkenal dengan ideologi anti ketuhanan dan komunisme sebagai 'kitab' ajaran mereka.

Salah seorang aktivis bagi kumpulan seni berkenaan berpandangan bahawa Tuhan tidak wujud dan manusia mempunyai kuasa penuh dalam menentukan nasibnya sendiri. Menurutnya lagi, orang Melayu sepatutnya dibebaskan daripada diskriminasi nilai dan diberikan hak memilih untuk menjadi ateis, agnostik atau menganut mana-mana agama sekalipun. Beliau menyatakan orang Melayu seharusnya tidak dihalang untuk menikmati makanan atau aktiviti yang dilabelkan oleh agama sebagai haram seperti memakan babi, minum arak dan berjudi.

Secara umumnya, kumpulan ini turut menyokong pemikiran liberalisme dan pluralisme. Alasan mereka bahawa hak kebebasan perlu diberi kepada manusia dan masyarakat termasuk dari segi berpegang pada kepercayaan yang seseorang individu itu yakini. Mereka juga berpandangan bahawa undang-undang dan peraturan yang menghalang seseorang memilih prinsip kepercayaannya adalah sesuatu yang sia-sia dan bersifat kosmetik kerana pada zahirnya golongan berkenaan akur pada undang-undang tersebut tetapi jiwa, pemikiran dan hidup mereka memilih sebaliknya.

---

## KES 4


---

Adib mendakwa dirinya bukan seorang anti-agama. Namun begitu, kesan pergaulannya dengan segelintir rakan-rakannya yang berfahaman agnostik membuatkan beliau berpandangan bahawa agama bukanlah satu-satunya jalan atau saluran membentuk manusia hidup berperaturan. Menurut Adib, golongan agnostik mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi serta menghormati manusia lain.

Adib mempersoalkan apakah agama sahaja yang perlu dirujuk dan dipatuhi sedangkan manusia mempunyai akal, potensi dan pengalaman untuk menetapkan peraturan, hukum dan keputusan bagi mereka mengurus kehidupan mereka sendiri.

Bagi beliau, seseorang yang tidak menganuti mana-mana agama di dunia ini mampu menjadi insan yang baik dan hidup secara bermoral. Beliau percaya bahawa tanpa agama sekalipun, manusia mampu menciptakan peraturan yang kompleks untuk mengatur kehidupan supaya tidak kacau-bilau. Buktiya, bukan sedikit hukum dan peraturan yang dicipta di dunia ini tanpa melibatkan agama ataupun wahyu.

Adib lebih meyakini bahawa sebahagian besar kehidupan manusia di dunia ini diatur oleh hukum dan peraturan sekular. Beliau memberi contoh di mana majoriti pentadbiran negara-negara di dunia ini berpandukan undang-undang dan peraturan sekular berbanding undang-undang berasaskan agama wahyu. Malah dalam konteks ini, beliau lebih memandang tinggi prinsip sekularisme dan liberalisme berbanding hukum-hukum agama termasuk syariat Islam. Menurutnya, hukum dan peraturan agama bersifat elitis, dianggap suci dan tidak boleh dipersoalkan.



Ia berbeza dengan peraturan yang berprinsipkan sekular dan liberalisme yang lebih terbuka untuk diperdebatkan tanpa perlu bimbang dijatuhkan hukuman sama ada di dunia ini ataupun sewaktu kehidupan di akhirat nanti.

Adib juga memperkuatkan hujahnya dengan menyatakan bahawa di negara-negara sekular dan liberal, semua agama serta fahaman bebas diamalkan. Negara-negara yang menonjol segi imej agama pula melakukan penindasan dan ketidakadilan pada agama atau fahaman minoriti dalam negara berkenaan.

---

## KES 5


---

Maria memilih fahaman agnostik semenjak tahun 2007 lagi. Beliau yang merupakan anak tunggal dalam keluarga telah kehilangan kedua orang tuanya kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya sewaktu beliau berusia 15 tahun. Sebelum bergelar anak yatim piatu, Maria seperti anak-anak Islam yang lain menerima pendidikan agama secukupnya. Ibadah-ibadah wajib seperti solat dan puasa turut diamalkan. Namun begitu, apabila usianya menginjak dewasa, beliau sering tertanya-tanya tentang perkara-perkara ghaib dalam Islam. Maria sering mempersoalkan mengapa Allah menciptakan syurga dan neraka. Jika Allah bersifat Pengasih dan Penyayang mengapa ada di antara makhluk ciptaanNya dicampakkan ke neraka sedangkan bukan manusia itu sendiri minta diciptakan.

Persoalan hukuman dosa dan ancaman siksaan amat menekan Maria. Maria merasakan ia sesuatu yang membebankan jiwa manusia, menjelaskan ketenangan hidup serta tiada kebebasan.

Kemusykilan tersebut berlarutan sehingga Maria melanjutkan pengajiannya ke Australia. Kehidupan kampus membuka ruang dan peluang untuk bertemu dengan pensyarah serta pelajar dari pelbagai latar belakang agama dan budaya. Di samping itu, Maria mengambil inisiatif untuk memahami ajaran agama-agama lain termasuk Kristian, Hinduisme dan Buddhisme. Beliau juga berusaha memahami pandangan golongan pemikir barat yang menurutnya menyumbang transformasi terhadap dunia. Berdasarkan pengamatannya terhadap pandang dunia agama-agama wahyu dan perspektif para pemikir barat, Maria membuat kesimpulan bahawa agama-agama wahyu bersifat rigid, sensitif dan tertutup. Agama hanya meletakkan nilai, norma dan hukum untuk manusia mematuhi tetapi gagal dari segi memberi jaminan manusia boleh menjalani kehidupan dengan tenang serta harmoni. Justeru, Maria mengambil pendirian agnostik kerana kecewa dengan ajaran agama. Namun begitu, Maria berpendapat manusia harus diberi kebebasan untuk menganuti mana-mana agama atau fahaman yang mereka yakini.

Meskipun Maria menolak agama tetapi beliau masih percaya akan kewujudan Tuhan. Maria mengakui bahawa pada peringkat awal beliau mengambil keputusan untuk menjadi agnostik, hidupnya terasa kosong, hilang arah dan tidak ada tempat untuk mengadu. Hatinya sering berbisik untuk kembali kepada Islam tetapi pada masa yang sama merasakan ia hanya akan mendatangkan ketenangan segi kerohanian tetapi masih tidak memberi jawapan pada semua kemosykilan dan keraguan yang berlegar dalam fikirannya. Maria berpendapat bahawa memadai dia merasakan kewujudan Tuhan dan berhubung langsung denganNya tanpa dalam mana-mana kerangka agama kerana hasilnya tetap sama sahaja. Menurut Maria, selama seseorang individu itu merasakan kewujudan Tuhan, ia tetap Tuhan yang sama meskipun beberapa kali berpindah akidah atau agama. Justeru, Maria menyimpulkan bahawa untuk apa setiap agama perlu menunjukkan kebenaran dan kesucian agama masing-



masing sedangkan matlamatnya tetap sama iaitu menuju kepada Tuhan.

Maria juga meragui kehidupan selepas mati. Beliau menyatakan bahawa secara logiknya manusia tidak perlu menjawab pertanyaan selepas mati kerana Tuhan yang merancang serta menetapkan segala-galanya bagi segenap kehidupan yang dijalani. Justeru, tidak ada sebab pahala dan dosa serta syurga dan neraka diwujudkan.

---

## KES 6

---


Kamelia yang berasal dari Sabah dibesarkan dalam sebuah keluarga yang diistilahkan sebagai Melayu moden dan beragama Islam tetapi kurang menitikberatkan hal-hal keagamaan. Ringkasnya, Kamelia dan keluarganya bukanlah tergolong sebagai *“practicing Muslim”*. Kamelia menyatakan bahawa prinsip keluarganya mudah sahaja iaitu berpegang pada amalan murni dan perbuatan baik dalam hidup. Menurut Kamelia, bukanlah sesuatu asing bagi beliau dan keluarganya, jika ada di antara ahli keluarga atau saudara mara mereka yang mengisyiharkan diri mereka sebagai ateis, *freethinker* mahupun agnostik. Ini adalah kerana pada pandangan mereka semua agama menyuruh pada kebaikan dan hukum serta peraturan dalam sesebuah agama hanyalah ciptaan manusia seperti golongan agamawan.

Kamelia sendiri terpengaruh dengan pemikiran ibu saudaranya yang berpegang pada fahaman agnostik sejak awal tahun 2000. Beliau sememangnya rapat dengan ibu saudaranya memandangkan jarak usia mereka hanya empat tahun dan

merupakan satu-satunya saudara perempuan ibunya. Sewaktu ibu saudaranya melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat dalam bidang Fizik Gunaan, beliau sering mendapat maklumat dan bertukar-tukar pandangan mengenai pemikiran agnostik. Menurut ibu saudaranya, ramai kenalannya di tempat pengajiannya adalah golongan agnostik sehingga menyebabkannya tertarik untuk memahami aliran pemikiran berkenaan. Tambahnya lagi, agnostik membuatkan seseorang individu itu bebas dan tidak terikat dengan ibadah atau ritual tertentu, hukum pahala dan dosa, takut pada siksaan kubur dan neraka serta hari perhitungan di akhirat. Apa yang penting adalah seseorang itu dapat membezakan perbuatan baik dan buruk serta tidak melakukan sebarang keburukan atau kemudaratannya kepada manusia dan alam ini.

Sebagaimana ibu saudaranya, Kamelia tidak menentang sebarang agama. Pun begitu, beliau tidak menjadikan mana-mana agama sebagai pegangan dan rujukan. Kamelia berpandangan bahawa agama hanyalah peraturan yang mengandungi norma-norma lama yang dipertahankan secara warisan. Sebaliknya, sebagai pengikut agnostik Kamelia mengutamakan kejujuran sebagai tunggak tindakan. Hati baginya berperanan penting berbanding dengan hukum “boleh” dan “tidak boleh” yang ditetapkan oleh sesebuah agama.

Di samping itu, Kamelia secara peribadi percaya bahawa Tuhan itu wujud dan menciptakan alam ini. Namun begitu, persoalan yang masih membekalkan fikiran Kamelia, siapa pula mencipta Allah? Bagaimana Allah tercipta dengan sendirinya jika hukum alam menyatakan setiap kejadian pasti ada penciptanya? Apakah bukti-buktinya yang nyata menunjukkan Tuhan itu wujud? Dalam konteks ini, Kamelia percaya bahawa terdapat kuasa yang luar biasa menguasai alam ini tetapi beliau tertanya-tanya bagaimana untuk membuktikan kewujudannya. Menurutnya, kemasykilan ini juga tidak dapat dibuktikan secara saintifik dan nyata sehingga menyebabkan beliau membuat kesimpulan bahawa



kehidupan di dunia ini sebenarnya tidak ada tujuan yang khusus tetapi manusia atau setiap individu mempunyai tujuan masing-masing tanpa mengambil kira apa hasilnya sama ada di dunia ini apatah lagi selepas mati.

---

## KES 7

---

Usia Reza telah mencapai 27 tahun. Reza sendiri kurang pasti sejak bila hatinya ragu-ragu akan kewujudan Tuhan dan sering mempersoalkan bagaimana bentuk Tuhan serta sukar untuknya memahami bahawa Tuhan itu wujud dengan sendirinya. Beliau pernah bertanya kepada orang tua dan guru agamanya tentang kewujudan Tuhan dan kemasukan beliau mengenai penciptaan Tuhan itu sendiri, namun jawapan yang diterima adalah sama iaitu ia adalah sesuatu di luar jangkauan akal manusia. Sebaliknya, beliau dinasihati untuk tidak mempersoalkan perkara-perkara ghaib seperti itu kerana bimbang boleh menjelaskan akidah.


Biarpun dibesarkan dalam keluarga Islam yang mementingkan pendidikan agama, Reza turut musykil mengapakah orang-orang Islam sahaja yang dijanjikan syurga tetapi orang kafir yang juga dicipta oleh Tuhan tidak akan merasai nikmat syurga malah dicampakkan ke neraka. Hatinya berbisik, bukankah ia menunjukkan Tuhan itu tidak adil? Adilkah bagi orang bukan Islam yang berbuat baik, bersikap hormat, berpegang pada nilai-nilai murni serta tidak melakukan kejahanatan dan kekacauan akhirnya terpaksa menerima pembalasan neraka?

Beberapa ibadah dalam Islam juga mengundang pertanyaan kepada Reza. Contohnya, beliau menganggap penyembelihan binatang dalam ibadat korban adalah satu amalan yang tidak

berperikemanusiaan. Malah, kisah Allah memerintahkan Nabi Ibrahim AS menyembelih anaknya sendiri iaitu Nabi Ismail AS adalah sesuatu yang baginya tidak dapat diterima oleh hukum akal dan peraturan manusia.

Reza turut mengkritik tentang ibadat zakat dan amalan bersedekah. Beliau pernah mendengar seorang penceramah agama menyatakan ibadat zakat dan amalan bersedekah bertujuan untuk menyucikan harta dan boleh menambahkan rezeki. Namun begitu, pengalaman keluarganya yang sering mengalami kesempitan segi kewangan walaupun ayahnya dan adik beradiknya yang telah bekerja menunaikan zakat dan kadang-kadang ada juga bersedekah membuatkan Reza mempunyai perspektif negatif terhadap peraturan tersebut. Beliau mempersoalkan mengapa Islam membebangkan penganutnya dengan ibadat-ibadat seumpama itu. Bukanakah lebih baik menyerahkan kepada manusia untuk melaksanakannya ibadat seumpama itu atas kesedaran dan keikhlasan tanpa terikat dengan sesuatu hukuman atau mengharapkan ganjaran.

Menyentuh tentang penglibatannya dengan fahaman agnostik, ia bermula apabila beliau terbaca satu blog yang menceritakan tentang kehidupan seorang agnostik sehingga menyebabkan beliau tertarik untuk mendalaminya. Bagi Reza, pemikiran dan pendirian agnostik amat dekat dengan jiwanya. Fahaman agnostik membuatkan Reza merasakan beliau menjadi individu bebas serta cintakan kedamaian, keadilan dan tidak mengganggu kehidupan orang lain. Reza berpendapat sebagaimana manusia tidak tahu bagaimana mereka melalui kehidupan di alam roh (yang turut beliau musykikan) dan alam rahim, begitu jugalah kehidupan selepas mati. Kini, apa yang menjadi pegangan Reza adalah memenuhi kehidupan sedia ada dengan penuh etika.



## KES 8

Saiful (26 tahun) merupakan anak kelahiran negeri Kedah. Akibat memiliki ilmu yang cetek serta kecuaian beliau untuk merujuk pada panduan ilmu dan bimbingan golongan yang ahli dalam bidang ajaran Islam menyebabkan Saiful cenderung pada pemikiran agnostik. Pemuda ini percaya dengan Tuhan, namun beliau mempersoalkan tentang Tuhan dan mempunyai kemosykilan yang tinggi mengenai agama sehingga menjurus kepada perasaan tidak percaya dengan agama. Asal pada kecenderungan pemikiran agnostik tersebut bermula apabila Saiful berusaha mendalamai ilmu tasawuf atau kesufian yang mana banyak mempersoalkan tentang Tuhan seperti apakah bukti bahawa Tuhan itu wujud, Tuhan bertempat atau tidak, Tuhan mempunyai tubuh dan banyak lagi.

Saiful merupakan bekas pelajar sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di Bangi tetapi beliau tidak menghabiskan pengajiannya atas sebab faktor-faktor peribadi. Kini, Saiful bekerja secara sepenuh masa di sebuah institut sosial. Beliau sering dikenali sebagai '*keyboard warrior*' di *facebook* dan mempunyai ramai pengikut di media sosial.

Saiful sering menyatakan dia tidak tahu apa tujuan hidup dan mengakui bahawa pemikiran ini mempengaruhinya semenjak beliau bergaul dengan golongan ateis dan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Beliau menjadi popular di media sosial kerana berani mengeluarkan kenyataan bersifat kritikan terhadap isu-isu agama. Selain itu, Saiful banyak terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang cenderung membincangkan pelbagai topik terutamanya berkaitan dengan isu-isu agama dan hubungan kemanusiaan.

Saiful aktif memberi komen-komen dan pandangan berkaitan isu agama berdasarkan logik akal termasuk membuat tafsiran sendiri ke atas ayat-ayat Al-Qur'an. Di antara komen dan persoalan yang ditimbulkan oleh Saiful adalah tentang penciptaan babi dan mengapa Tuhan yang menciptakan babi namun kemudiannya mengharamkan babi. Selain itu, mengapa Tuhan mencipta manusia mempunyai naluri seks tetapi menghalang manusia melakukan seks bebas. Beliau juga mengkritik Islam seperti menyatakan Islam bukanlah agama terbaik dengan memberi contoh, sering berlaku pembunuhan sesama sendiri dan mengamalkan sistem monarki pada zaman Khulafa' Ar-Rasyidin. Saiful juga menyatakan orang Islam mentaati arahan Tuhan tanpa persoalan seperti Rukun Iman dan Rukun Islam. Dia juga membangkitkan isu tentang Islam mewajibkan menutup aurat namun terdapat juga Muslimah yang bertudung dirogol. Saiful mengkritik Tuhan, agama Islam, Nabi Muhammad SAW secara terang-terangan dan dia pernah membuat kenyataan, "*Kalau aku Tuhan*". Beliau juga taksub dengan pemikiran barat terutamanya pemikiran Karl Marx.

Kecelaruan gaya pemikiran Saiful, tindak tanduk dan amalan kehidupannya yang berpegang pada fahaman agnostisme mengakibatkan hubungan Saiful dengan ibu bapanya menjadi renggang. Saiful terus bertekad mempertahankan pegangan dan keyakinannya terhadap fahaman agnostisme meskipun ibu bapa dan keluarganya berusaha menasihati beliau supaya bertaubat dan kembali pada ajaran Islam yang sebenar. Malah, Saiful mengambil keputusan meninggalkan keluarganya dan tidak pernah pulang ke rumah semenjak dari tahun 2012.

## KES 9

Afiqah berumur 21 tahun. Sebagai anak Melayu yang beragama Islam, ibu bapanya memastikan Afiqah mendapat pendidikan agama. Jika dilihat secara zahirnya, tiada siapa menyangka Afiqah menyukai golongan sejenis. Kisahnya sebagai seorang lesbian (menyukai kaum sejenis) bermula semenjak beliau berada di sekolah menengah. Menurut Afiqah, “*masa sekolah menengah, menyukai kaum sejenis tu macam satu trend. Aku hanya mengikut trend.*”

Bertitik tolak dari nalurnya sebagai seorang lesbian, Afiqah kemudiannya mula menolak dan mempersoalkan agama Islam. Beliau merasakan Islam adalah satu agama yang mengongkong dengan pelbagai peraturan terutama berhubung larangan menjalinkan hubungan sejenis. Afiqah menyatakan peraturan Islam adalah tidak adil. Contohnya, hukuman bunuh dikenakan ke atas golongan yang murtad manakala golongan yang membuat hubungan sejenis pula akan dirotan beratus kali. Afiqah mengatakan Islam gagal memberi penyelesaian kepada golongan sepertinya kerana mendakwa kecenderungan terhadap golongan sejenis adalah berkaitan dengan naluri semula jadi dan bukankah Islam mengatakan segala yang berlaku di dunia ini dan menimpa manusia adalah ketentuan daripada Allah. Afiqah mula meragui kewujudan Tuhan dan tidak percaya kepada agama kerana tidak menghalalkan hubungan sejenis yang pada pandangannya adalah sebahagian hak individu dalam menjalinkan hubungan sesama manusia.

Perubahan Afiqah dapat dikesan oleh kedua orang tuanya. Ibu bapanya meminta pengakuan Afiqah berkaitan status akidah beliau. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 2012 iaitu ketika

Afiqah berusia 19 tahun. Soalan mereka kepada Afiqah, "Adakah Afiqah masih seorang Islam?". Ketika itu, kerana takut kepada bapanya, Afiqah mengakui bahawa dia masih Islam walaupun pada hakikatnya beliau tidak lagi melaksanakan perintah Allah dan berkeinginan untuk meninggalkan Islam. Mendengar jawapan Afiqah, bapa beliau memberi amaran, "*Afiqah, sekiranya kamu tidak mengaku Islam, maka ayah akan mengambil tindakan keras atas kamu.*" Kata-kata amaran tersebut terngiang-ngiang di telinga Afiqah sehingga mendorongnya merancang keluar dari rumah. Perasaan yang memberontak untuk hidup bebas dan melakukan apa sahaja mengikut kemauan menguatkan lagi tekad Afiqah untuk segera bebas daripada kongkongan ibu bapanya.

Tekad Afiqah untuk menikmati kebebasan hidup dan menjalani kehidupan sebagai seorang lesbian telah menyebabkan Afiqah membuat keputusan untuk berhijrah ke Amerika Syarikat. Beliau telah mendaftarkan dirinya dalam program *gogetfunding* menerusi media sosial untuk mendapatkan sumbangan daripada orang-orang yang bersimpati dengannya. Apa yang memerlukan, usaha beliau tersebut mendapat sokongan dalam masa yang singkat. Afiqah berjaya mengutip sumbangan berjumlah USD1,400. Pada bulan Oktober 2012, Afiqah telah meninggalkan Malaysia dan berhijrah ke Amerika Syarikat untuk memulakan kehidupan sebagai lesbian agnostik dengan menggunakan nama Evelyn sebagai identiti baharunya.

## KES 10

Putera (nama samaran) seorang Muslim dan mengaku seorang agnostik kerana beliau seorang gay. Putera lebih tertarik kepada kaum sejenis semenjak beliau di bangku sekolah rendah lagi. Putera memulakan perbualan dengan mengatakan bahawa, “Aku tahu dalam Islam mana boleh menjalinkan hubungan dengan kaum sejenis.” Beliau kemudiannya menambah, “Mana ada ayat dalam Al-Qur'an atau hadis yang mengatakan Allah menyukai golongan macam aku (homoseksual). Aku tidak pernah minta jadi begini, aku cuba untuk menyukai kaum hawa tapi aku tidak ada rasa tertarik terhadap mereka.”

Putera mendakwa bahawa beliau berasa pelik mengapa Allah kurniakan kepadanya naluri homoseksual sedangkan Allah membenci golongan tersebut. Malah, tiada agama yang menyokong golongan homoseksual. Putera menegaskan bahawa dia memilih menjadi agnostik kerana beliau seorang gay dan tiada agama menyokong hubungan sejenis. Beliau sentiasa mengeluh dan sukar menerima takdir Tuhan tersebut seperti katanya, “Aku adalah golongan agnostik yang mana aku percaya dengan kewujudan Tuhan tapi tidak faham kenapa Tuhan menjadikan aku gay serta Tuhan benci golongan gay.”

Menurut Putera, beliau adalah daripada golongan minoriti (homoseksual) yang ditindas oleh golongan majoriti dan Tuhan tidak adil kerana menjadikan dia begitu. Putera juga asyik menyatakan mengapa dia tidak dibenarkan menyintai orang yang dia suka dan agama juga menetapkan adalah satu dosa menyintai atau menjalinkan hubungan sesama jenis.

Hubungan beliau dengan Izwan (nama samaran) menguatkan lagi kepercayaan Putera bahawa agama untuk kelompok tertentu sahaja dan ia sekadar alat untuk golongan yang mempunyai

kepentingan sahaja. Pada perspektif Putera, Islam yang dianutinya sebelum ini adalah agama keturunan sahaja. Beliau mendakwa bahawa dia tahu Allah itu ada tetapi masih tercari-cari di mana Allah sebenarnya dan mengapa Allah menjadikannya sebagai seorang gay. Putera cuba menghalalkan kecenderungan luar tabii beliau dengan membuat tafsiran sendiri bahawa Tuhan akan memaafkan golongan gay dengan alasan naluri itu adalah kurniaan daripada Tuhan kepada manusia.

---


## KES 11

---

Seorang agnostik percaya bahawa dunia ini mungkin ada penciptanya namun begitu masih tercari-cari bagaimana untuk mengetahui Si Pencipta. Golongan ini mirip dengan kelompok yang berfikiran skeptikal. Seorang agnostik tidak percaya pada dosa tetapi yakin bahawa perbuatan tidak baik akan dibalas pada saat itu juga.

Kajian ke atas kes-kes agnostik dan kes-kes kecelaruan akidah yang lain mendapati pemikiran ini bermula apabila seseorang itu berhadapan dengan masalah keluarga dan kurang didikan agama. Hal ini berlaku kepada Abdullah yang berumur 21 tahun dan berasal dari Ulu Yam, Selangor. Abdullah adalah seorang bekas pelatih di sebuah pusat pemulihan. Beliau mendaftarkan dirinya secara sukarela.

Mengimbau zaman kanak-kanak, Abdullah seorang yang degil, panas baran dan nakal. Beliau selalu menimbulkan masalah di sekolah tetapi menurutnya perbuatan tersebut hanya untuk membalaik sikap orang-orang yang tidak menghormatinya atau melayannya dengan kasar.



Abdullah dibesarkan dalam keluarga Islam namun kurang menekankan pendidikan agama. Hubungan Abdullah dengan ibu bapanya tidak rapat kerana sikap beliau yang bermasalah dan kurang menerima perhatian daripada mereka. Kesannya, Abdullah berasa sangat terkongkong, tertekan dan mahu hidup bebas. Keluarganya yang kurang menitikberatkan pendidikan agama menyebabkan Abdullah jahil tentang agama. Abdullah sering bertanya di mana Tuhan dan kenapa Tuhan memberinya kehidupan yang susah, tertekan dan tiada penyelesaian. Kalau betul Tuhan ada, di manakah Dia kerana beliau ingin berjumpa dengan Tuhan.

Semasa berusia 17 tahun, Abdullah telah lari dari rumah dan menetap di Kuala Lumpur. Malang bagi Abdullah kerana beliau bertemu dengan seorang penjual dadah yang kemudiannya mengambilnya sebagai adik angkat. Maka, bermulalah kehidupannya sebagai seorang penjual dadah. Abdullah menikmati kehidupan yang mewah hasil daripada kerja haram yang dilakukannya. Kemewahan yang dinikmatinya menyebabkan Abdullah cenderung pada fahaman agnostik. Beliau merasakan fahaman tersebut lebih fleksibel dan berpijak di bumi nyata. Abdullah percaya seseorang itu boleh menjadi kaya sekiranya bekerja dengan kuat tanpa mengira apa juga bentuk pekerjaan. Beliau turut berpegang pada prinsip menjaga hubungan baik dengan manusia dan alam supaya dilindungi daripada bencana. Justeru, tidak hairanlah Abdullah berbuat baik kepada kumpulannya dan menurutnya beliau hanya menjual dadah kepada orang-orang yang memerlukan sahaja.

Namun, kuasa Allah telah mengubah segalanya dengan memberikannya satu pengalaman yang menjadi teladan kepada Abdullah untuk dia berfikir tentang dirinya dan Allah. Pada akhir tahun 2013, salah seorang ahli kumpulan Abdullah telah meninggal dunia. Semasa jenazah tersebut diuruskan, Abdullah menyaksikan pelbagai azab ditimpakan pada jenazah tersebut. Di antaranya termasuklah jenazah berkenaan bertukar hitam,

sangat berat dan sukar diuruskan sehingga menyebabkan jenazah tersebut lewat dikebumikan.

Peristiwa tersebut benar-benar menginsafkan Abdullah dan beliau memutuskan untuk mendaftarkan dirinya ke pusat permunian akidah. Abdullah amat bersyukur diberi peluang oleh Allah untuk bertaubat. Abdullah berharap sejarah hidupnya boleh dijadikan iktibar oleh orang lain seperti mana katanya, “*Aku berubah menjadi seorang yang meragukan kewujudan Tuhan dan aku sandarkan segala persoalan agama pada logik akal aku. Aku memulakan kehidupan dengan diri yang sangat jahil dengan agama. Aku rasa kalau aku belajar agama dengan baik dari dulu tentu aku tidak jadi begini.*”


---

## KES 12

---

Salman mengakui bahawa punca beliau menerima pegangan agnostik adalah disebabkan banyak kejadian dan peraturan yang ditetapkan oleh agama-agama di dunia ini tidak boleh diterima akal. Sebagai seorang manusia yang mempunyai akal fikiran dan mampu berfikir secara logik, maka nalurinya mendesak beliau untuk mencari kebenaran yang hakiki. Bagi Salman, hanya dengan kebenaran yang hakiki, manusia memiliki kebebasan.

Salman berpandangan bahawa kebenaran itu bersifat mutlak. Ia kekal sama sepanjang masa, di semua tempat dan untuk semua orang. Kebenaran menurutnya lagi, tidak bergantung pada pemikiran manusia sebaliknya berdiri sendiri yang mana beliau sandarkan sebagai Tuhan. Ringkasnya, kebenaran itu adalah Tuhan dan Tuhan itu adalah kebenaran. Salman juga berhujah dengan menyatakan bahawa kebenaran tidak mungkin dicapai oleh manusia atas kekuatan fikirannya sendiri kerana kebenaran tidak datang dari hati atau fikiran manusia biasa. Kebenaran itu



harus datang dari satu titik atau punca luaran iaitu ia datang daripada Tuhan dan Tuhan itu sendiri adalah kebenaran. Oleh kerana ia bersifat mutlak maka hanya Tuhan mempunyai autoriti untuk mengatakan mana yang benar (kebenaran) dan mana yang palsu. Kebenaran yang bersifat mutlak itu juga secara tidak langsung menunjukkan hanya ada satu Tuhan.

Salman menegaskan bahawa manusia tidak berhak untuk mengatakan bahawa sesuatu itu benar atau sesuatu perlakuan itu tidak bermoral kerana manusia tidak memiliki autoriti. Beliau memberi contoh siapakah manusia, (yang beliau anggap tidak mempunyai autoriti) untuk mengatakan bahawa hubungan seks sebelum perkahwinan itu salah dan tidak bermoral?

Atas prinsip ini juga Salman menolak pandangan yang menyatakan bahawa semua agama terdiri daripada jalan-jalan yang berbeza tetapi menuju ke destinasi yang sama. Hujah Salman, sekiranya dibuat perbandingan antara agama-agama yang wujud di dunia ini, amat ketara bahawa setiap agama mengajar perkara yang bertentangan. Contohnya, terdapat agama yang mengajar bahawa Tuhan itu banyak, ada pula mengatakan bahawa hanya ada satu Tuhan sahaja. Begitu juga terdapat agama yang berkepercayaan bahawa Tuhan itu satu tetapi terdiri daripada tiga persona iaitu Bapa, Anak dan Roh Kudus. Justeru, ajaran manakah yang benar memandangkan setiap agama yang berlainan menjelaskan tentang kebenaran (Tuhan) secara bertentangan. Salman juga mempersoalkan bagaimana manusia tahu dan yakin bahawa agama yang mereka anuti adalah jalan-jalan yang membawa manusia mencapai keselamatan.

Pada pandangan Salman agama hanyalah satu ajaran baharu. Berdasarkan pada perspektif beliau bahawa kebenaran itu adalah sesuatu yang mutlak, maka tidak mungkin kebenaran itu diperoleh oleh seseorang manusia yang fana. Begitu juga, apakah jaminan bahawa ‘kebenaran’ itu adalah kebenaran hakiki dan bukannya dicemari oleh agama palsu.



---

## BAB 5

# LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH PENYIMPANGAN AKIDAH

---

### MUKADIMAH

Fahaman agnostik adalah sebahagian daripada ancaman terhadap akidah umat Islam. Pengaruh fahaman ini dapatlah diumpamakan “seperti sekam di dalam api” yang secara perlahan-lahan akan meranapkan benteng akidah umat Islam. Justeru, ia menuntut rangka tindakan yang menyeluruh dan strategik sama ada untuk merawat, mengkekang maupun membasmi fahaman ini daripada terus menyusup masuk ke dalam jiwa dan pemikiran umat Islam di Malaysia khususnya dan di dunia amnya.

### STRATEGI PENYELESAIAN


- i. MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA
  - a. Ibu bapa
  - ❖ Menjadikan diri sebagai contoh mithali segi penghayatan ajaran Islam, kecintaan pada ilmu, pengamalan akhlak mulia

dan daya kepemimpinan kepada anak-anak.

- ❖ Memelihara keharmonian rumah tangga serta menghindari krisis yang boleh menjelaskan hubungan dan emosi dalam keluarga.
- ❖ Melengkapkan diri dengan ilmu keibubapaan.
- ❖ Memberi perhatian, kasih sayang, sokongan dan meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.
- ❖ Memberi didikan agama yang mencukupi dan berterusan serta menekankan aspek moral kepada anak-anak.
- ❖ Mengawasi perlakuan dan memantau kegiatan anak-anak.
- ❖ Memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi secara seimbang untuk keluarga.

b. Keluarga

- ❖ Menghayati dan menterjemahkan konsep '*Baiti Jannati*' ('*Rumahku Syurgaku*') sebagai asas kesinambungan warisan sebuah keluarga yang beriman serta bahagia di dunia dan di akhirat.
- ❖ Menjadikan konsep berjamaah sebagai satu amalan (solat, makan, beriadah, bercuti dan kebersihan rumah).
- ❖ Memupuk kasih sayang serta sikap tolak ansur, saling menghormati dan mengambil berat antara satu sama lain.
- ❖ Menyuburkan budaya mencintai ilmu dalam keluarga.



**ii. MERANGKA STRATEGI DAKWAH YANG STRATEGIK DAN HOLISTIK**

- a. Menerap dan mempertingkatkan penghayatan Islam dalam kehidupan umat Islam.
- b. Mempergiatkan program-program dalam kerangka Islam yang menambat jiwa umat Islam.
- c. Menggalakkan dan melatih golongan pendakwah dan badan-badan dakwah agar lebih peka, kreatif dan inovatif supaya seluruh lapisan masyarakat nampak dan memahami bahawa Islam itu sempurna, indah, dan serta mampu disampaikan secara berkesan.
- d. Menghindari pendekatan dakwah yang sempit dan jumud yang hanya memfokuskan pada persoalan dosa dan ancaman siksaan yang secara tidak langsung menggambarkan Islam sebuah agama yang mengongkong dan menakutkan.
- e. Mengenal pasti dan mendekati golongan yang berhadapan dengan ancaman akidah termasuk generasi muda.


**iii. MEMPERKUKUHKAN PENDIDIKAN ISLAM DAN BUDAYA ILMU**

- a. Memastikan setiap umat Islam didedahkan pada pendidikan dan ilmu Islam melalui kaedah yang tepat, betul dan sahih kerana kejahilan ilmu agama boleh menjerumuskan seseorang pada ancaman akidah.
- b. Menilai secara berkala dan konsisten silih-sibus pendidikan Islam peringkat sekolah mahupun peringkat pengajian tinggi supaya selari dengan tuntutan serta cabaran semasa.

- c. Membentuk ummah Al-Qur'an dengan menetapkan matlamat seluruh lapisan masyarakat Islam untuk lebih memahami dan menghayati kandungan Al-Qur'an. Ia harus dijadikan sebagai agenda penting dan bukannya sebagai satu pilihan bagi membangunkan umat dengan menggerakkan secara aktif medium-medium strategik seperti kempen, media elektronik (televisyen, radio dan alam siber), media cetak dan model-model Islam mithali yang mampu mempengaruhi dan menjadi ikutan masyarakat.
- d. Menyuburkan ilmu akidah seiring dengan pembangunan modal insan dalam sebuah institusi keluarga, komuniti masyarakat dan pembangunan negara.
- e. Mendekati generasi muda yang lebih mudah terdedah dan dipengaruhi oleh fahaman-fahaman yang menyimpangkan akidah seperti kempen dan program yang menjurus pada pengukuhan jati iman, jati akhlak dan daya kepemimpinan.

**iv. MENYEDIAKAN PERSEKITARAN SEJAHTERA ATAU BIAH SOLEHAH**

- a. Merangka program secara menyeluruh bagi menggalakkan konsep dan prinsip biah solehah dilaksanakan di peringkat rumah, sekolah, institusi pengajian tinggi, tempat bekerja, institusi-institusi kerajaan dan organisasi yang majoriti ahli atau kakitangannya beragama Islam.
- b. Mengharamkan pusat-pusat dan program-program hiburan yang melalaikan dan mencemarkan keimanan serta terdedah pada pengaruh hedonisme, cara hidup barat yang merosakkan dan menjaskas akhlak murni.
- c. Menggerakkan peranan masyarakat Islam untuk turut sama memantau dan membendung gejala penyimpangan akidah



melalui kempen kesedaran yang disalurkan melalui media elektronik, media cetak, khutbah Jumaat, sesi penerangan berkala dan sebagainya selari dengan prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar* (menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah kemungkar).


v. MEMPERKASAKAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG

- a. Memanfaatkan peruntukan undang-undang sedia ada yang memberi kuasa kepada Sultan atau Raja-raja Melayu untuk melindungi martabat dan kedaulatan Islam di negara ini.
- b. Mewujudkan peruntukan undang-undang yang mencukupi untuk membendung dan menghalang penyebaran fahaman-fahaman yang boleh menyimpangkan akidah umat Islam.
- c. Menggembangkan unsur-unsur mencegah dan mendidik dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan permasalahan akidah.
- d. Mewujudkan agensi penguatkuasaan yang berperanan memantau, menguatkuasa dan melaksanakan undang-undang serta pendekatan (pencegahan dan pendidikan) secara proaktif dan konsisten.

vi. MEMANTAPKAN PERANAN INSTITUSI-INSTITUSI SOKONGAN

- a. Kerajaan
  - ❖ Melaksanakan pentadbiran Islam sebagaimana yang termaktub dalam perundangan negara.

- ❖ Memperketatkan undang-undang yang dapat menjamin kedudukan Islam dan melindungi akidah umatnya.
- ❖ Menyatakan pendirian yang tegas dalam mempertahankan Islam dan akidah umatnya daripada serangan musuh-musuh Islam.
- ❖ Memberi galakan dan insentif kepada agensi-agensi kerajaan yang menguruskan hal ehwal Islam dan pertubuhan-pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGOi) untuk menjalankan program dan aktiviti pembangunan bersifat duniawi mahupun ukhrawi tetapi dalam kerangka Islam.
- ❖ Membangunkan pusat sehenti dakwah (penerangan, kaunseling dan khidmat masyarakat) di setiap daerah-daerah utama dalam sesebuah negeri.
- ❖ Mengaktifkan penyaluran maklumat melalui alam siber, teknologi gajet, program-program televisyen, hebahan radio dan sebagainya bagi memastikan maklumat sampai kepada ke akar umbi.
- ❖ Menyediakan peruntukan bagi membentuk generasi Al-Qur'an dan kepemimpinan muda Islam yang berpegang pada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ❖ Menggalakkan jaringan kerjasama antara badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Islam sama ada dalam negara mahupun peringkat antarabangsa khususnya dari segi perkongsian maklumat, latihan, sokongan dan kepakaran dalam menangani permasalahan umat Islam secara global.



**b. Institusi pendidikan**

- ❖ Mengatur sesi penerangan untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan permasalahan-permasalahan akidah dan pembangunan umat Islam secara berkala.
- ❖ Menggalakkan program pembangunan sahsiah dan kepemimpinan Islam.
- ❖ Membentuk Briged Da'i di peringkat sekolah dan pengajian tinggi.
- ❖ Mewujudkan Kelab Generasi Al-Qur'an di sekolah-sekolah dan seluruh rangkaian institusi pengajian tinggi.
- ❖ Mengatur program dialog dan wacana ilmiah berkaitan dengan permasalahan-permasalahan akidah dan pembangunan umat Islam peringkat nasional dan antarabangsa.

**c. Kepemimpinan masyarakat dan masjid**

- ❖ Menubuhkan jawatankuasa khas pemantauan akidah dan akhlak.
- ❖ Mempergiatkan program-program ilmu dan penerangan kepada penduduk.
- ❖ Mewujudkan unit kaunseling di masjid-masjid.
- ❖ Memberi latihan pelbagai kemahiran kepada kepemimpinan kampung dan masjid supaya dapat mentadbir kampung, masyarakat dan masjid secara proaktif dan berkesan.
- ❖ Menyalurkan maklumat terkini kepada kepemimpinan kampung dan masjid mengenai apa-apa perkembangan

kritikal berkaitan isu dan permasalahan umat Islam supaya dapat disampaikan kepada seluruh penduduk.


d. Pertubuhan-pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGOi)

- ❖ Menggerakkan peranan ahli-ahli pertubuhan khususnya berkaitan dengan permasalahan penyimpangan akidah umat Islam.
- ❖ Menjadi jentera sokongan kepada kerajaan dalam menyalurkan maklumat yang tepat, sahih dan benar mengenai Islam kepada masyarakat melalui penulisan, ceramah, blog dan sebagainya.
- ❖ Mendekati dan memberi sokongan moral kepada golongan-golongan kritikal seperti golongan *ar-riqab* serta kelompok individu yang terjebak pada pemesongan akidah dan pemikiran Islam.
- ❖ Mempergiatkan usaha menarik lebih ramai golongan muda untuk menyertai program dan aktiviti yang dapat membantu memperkuatkannya akidah dan akhlak Islamiyyah.

Kesimpulannya, strategi untuk menangani masalah penyimpangan akidah umat Islam termasuk berkaitan dengan fahaman agnostik menuntut pada penggembangan empat unsur pengukuhan akidah iaitu:




Rajah 5.1 : Empat Unsur Pengukuhan Akidah



Rajah 5.2 : Aspek-aspek Utama Bagi Empat Unsur Pengukuhan Akidah

Dalam konteks ini, usaha yang lebih agresif dan konsisten perlu dipergiatkan bagi membendung masalah penyimpangan akidah termasuklah fahaman agnostik yang semakin menular dalam kalangan umat Melayu khususnya dan umat Islam amnya. Kesatuan sistem dalam fahaman dan pegangan akidah Islam, amalan syariah dan sistem akhlak boleh memberikan impak besar dan menyumbang secara berterusan bagi memastikan akidah dan perpaduan umat Islam terjamin manakala kestabilan masyarakat pula terus terpelihara.



## RUJUKAN

### BUKU

Abdullah Al-Qari. (2001). *Punca-punca murtad dan akta murtad*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Ilmi.

George Jacob Holyoake. (2011). *The principles of secularism*, E-book. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://www.gutenberg.org/files/36797/36797-h/36797-h.htm>

Ghazali Basri. (2009). *Pengantar ilmu perbandingan agama*. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

*Kamus dewan. (Edisi Keempat)*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nakhaie Ahmad. (2012). *Pluralisme agama di alam Melayu: Satu ancaman kepada kesejahteraan umat*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat (MUAFAKAT).

Syed Muhammad Naquib Al-Attas.(1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam* Terj. E-Book. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <https://www.scribd.com/doc/103852516/Syed-Muhammad-Naquib-Al-Attas-Prolegomena-to-the-Metaphysics-of-Islam-Transl-English-Indonesian>

### ARTIKEL/LAMAN WEB

Habib Rizieq Syihab. (2013, Disember). *Liberal musuh besar Islam*. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://habibrizieqsyihab.blogspot.com/2013/12/habib-rizieq-syihab-liberal-musuh-besar.html>

Haris Hauzah (2007, Mei). *Mazhab dan aliran sesat – wahai sang bloggers jangan berdiam lagi*. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://harithalmulk.blogspot.com/2007/05/mazhab-dan-aliran-sesat-wahai-sang.html>.

<http://bertrandrussell.org/archives/BRSpapers/2012/agnostic.php>

[http://en.wikipedia.org/wiki/Immanuel\\_Kant](http://en.wikipedia.org/wiki/Immanuel_Kant)

<http://en.wikipedia.org/wiki/Agnosticism>

<http://id.wikipedia.org/wiki/Agnostisisme>

[http://id.wikipedia.org/wiki/Thomas\\_Henry\\_Huxley](http://id.wikipedia.org/wiki/Thomas_Henry_Huxley)

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Sekularisme#cite\\_ref-5](http://ms.wikipedia.org/wiki/Sekularisme#cite_ref-5)

<http://www.iep.utm.edu/hamilton/>

<http://www.iep.utm.edu/hume-rel/>

<http://www.iep.utm.edu/spencer/>

Iqbal, Stephanus. (2011, April). *Memahami agnostisisme*. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://tajarrud.wordpress.com/2011/04/05/memahami-agnostikisme>.

Muhammad Irfan Hasanuddin. (2010, Jun). *Muslim agnostik: Menakar masyarakat Muslim moden*. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://irfanislamicculturaltudies.blogspot.com/2010/06/muslim-agnostik-menakar-masyarakat.html>.

Idris bin Zakaria, Prof. Madya Dr. (2009, Jun). *Liberalisma dan pluralisma agama ancaman baru Islam di Malaysia*. Dilayari pada 14 Julai 2014 daripada <http://prihatin.net.my/v3/category/sejarah-islam/page/3/>.

Terjemahan Al-Qur'an diambil daripada [www.al-islam.com](http://www.al-islam.com).